



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Analisis Lagu-Lagu Rakyat Melayu Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan Menggunakan Teori Sastera Budaya

**Nurul Syuhada Binti Mohd Sharol
C20B1372**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN



Nurul Syuhada binti Mohd Sharol
C20B1372

TANDATANGAN PENYELIA

Dr. Nordiana binti Ab Jabar

Tarikh: 10 Februari 2024

Tarikh: 10 Februari 2024

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa rendah diri, saya ingin mengucapkan ribuan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Yang Maha Esa kerana saya telah dapat menyiapkan laporan bagi projek penyelidikan yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan dengan sempurnanya tanpa sebarang halangan. Walaupun saya telah berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan, tetapi saya tidak berputus asa untuk meneruskan perjuangan ini, diiringi dengan doa yang dipanjatkan kepada Yang Maha Berkuasa agar memberikan ilmu, idea dan kesabaran dalam menyiapkan kajian ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia Projek Penyelidikan saya iaitu Dr. Nordiana Ab Jabar yang tidak pernah jemu dalam memberikan kami tunjuk ajar, bimbingan, kritikan serta nasihat. Tanpa bimbingan beliau, saya tidak akan dapat menyiapkan tugas penyelidikan ini dengan sempurna. Beliau juga telah banyak memberikan sokongan moral yang tidak terhingga dan memastikan saya untuk terus bersemangat dalam menyiapkan tugas dan laporan ini. Kata-kata semangat dan segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau tidak akan saya lupakan dan akan sentiasa saya ingati. Selain itu, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan kata-kata semangat untuk saya terus berjuang sehingga ke tahap ini. Sekalung penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut sama memberikan sokongan, bantuan dan dorongan tanpa jemu walaupun mereka juga bersama-sama berhadapan dengan situasi yang sama dalam menyiapkan tugas penyelidikan masing-masing.

Akhir sekali, ribuan penghargaan diucapkan kepada semua individu yang terlibat sebagai responden yang telah banyak membantu saya dalam menjalankan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan universiti-universiti lain yang menyediakan bahan bacaan secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih dan sehingga bertemu lagi.

Nurul Syuhada binti Mohd Sharol
No 15, Taman Desa Darul Iman,
Kampung Pak Tuyu, Mengabang Telipot,
21030 Kuala Terengganu, Terengganu.
E-mel: nurulsyuhadasharol24@gmail.com

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB SATU: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.2.1 Definisi Istilah dan Konsep	4
1.2.1.1 Lagu Rakyat Melayu	4
1.2.1.2 Pelancongan	8
1.2.1.3 Teori Sastera Budaya	9
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.7.1 Kepentingan Kepada Negara	15
1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat	16
1.7.3 Kepentingan Kepada Individu	16
1.8 Kesimpulan	18

BAB DUA: SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Kajian Lepas Mengenai Lagu Rakyat	20
2.2.1	Tesis	20
2.2.2	Artikel Jurnal	23
2.2.3	Buku / Majalah dan lain-lain	26
2.3	Kajian Lepas Mengenai Pelancongan	29
2.3.1	Tesis	29
2.3.2	Artikel Jurnal	32
2.3.3	Buku / Majalah dan lain-lain	35
2.4	Kajian Lepas Mengenai Teori Sastera Budaya	37
2.4.1	Tesis	37
2.4.2	Artikel Jurnal	38
2.4.3	Buku / Majalah dan lain-lain	38
2.5	Kesimpulan	40

BAB TIGA: METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.2.1	Dokumentasi	42
3.3	Pengumpulan Data	43
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	43
3.3.2	Analisis Dokumen	44
3.3.2.1	Teks	45
3.3.2.2	Artikel Jurnal & Buku	48
3.3.3	Soal Selidik	49
3.4	Teori	50
3.4.1	Kaedah Analisis	51
3.4.2	Kerangka Teori	53

3.5 Kesimpulan	54
BAB EMPAT: ANALISIS KAJIAN	
4.1 Pendahuluan	55
4.2 Mengenal Pasti Lagu-Lagu Rakyat Terpilih di Malaysia	57
4.2.1 Lirik Lagu Rakyat Melayu Terpilih	61
4.2.2 Sinopsis Lagu-Lagu Rakyat Terpilih	92
4.2.2.1 Lagu Rakyat Negeri Johor	92
4.2.2.2 Lagu Rakyat Negeri Kedah	94
4.2.2.3 Lagu Rakyat Negeri Kelantan	95
4.2.2.4 Lagu Rakyat Negeri Melaka	97
4.2.2.5 Lagu Rakyat Negeri Sembilan	98
4.2.2.6 Lagu Rakyat Negeri Pahang	99
4.2.2.7 Lagu Rakyat Negeri Perak	100
4.2.2.8 Lagu Rakyat Negeri Perlis	101
4.2.2.9 Lagu Rakyat Negeri Pulau Pinang	102
4.2.2.10 Lagu Rakyat Negeri Sabah	103
4.2.2.11 Lagu Rakyat Negeri Sarawak	104
4.2.2.12 Lagu Rakyat Negeri Selangor	105
4.2.2.13 Lagu Rakyat Negeri Terengganu	106
4.3 Menganalisis Nilai Pelancongan yang Terdapat Di Dalam Lirik Lagu Rakyat Melayu Terpilih Menggunakan Teori Sastera Budaya Gagasan Mana Sikana	109
4.3.1 Aspek Pendidikan	111
4.3.2 Aspek Ekonomi	112
4.3.3 Aspek Sosial	114
4.4 Menilai Sejauh Mana Lirik Lagu Memberikan Tarikan Kepada Pelancong	115
4.4.1 Bahagian A (Data Demografi Responden)	117
4.4.1.1 Analisis Jantina Responden	118
4.4.1.2 Analisis Umur Responden	119

4.4.1.3 Analisis Negeri Kelahiran Responden	120
4.4.2 Bahagian B (Pengetahuan Am Lagu Rakyat)	122
4.4.2.1 Analisis Pengetahuan Responden Tentang Lagu Rakyat	122
4.4.2.2 Analisis Minat Responden Terhadap Lagu Rakyat	123
4.4.2.3 Analisis Pengetahuan Responden Tentang Lagu Rakyat Negeri	124
4.4.2.4 Analisis Jumlah Lagu Rakyat yang Diketahui Oleh Responden	125
4.4.2.5 Analisis Lagu Rakyat Terengganu	126
4.4.2.6 Analisis Lagu Rakyat Boria	127
4.4.2.7 Analisis Lagu Rakyat Melaka	128
4.4.2.8 Analisis Lagu Rakyat Puteri Santubong	129
4.4.3 Bahagian C (Kandungan Lirik Lagu Rakyat)	130
4.4.3.1 Analisis Unsur Warisan Dalam Lagau Rakyat	130
4.4.3.2 Analisis Perasaan Responden Terhadap Lagu Rakyat	131
4.4.3.3 Analisis Lagu Rakyat Negeri Kedah	132
4.4.3.4 Analisis Kebolehan Lagu Rakyat Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan ke Malaysia	133
4.5 Kesimpulan	134
 BAB LIMA: RUMUSAN	
5.1 Pendahuluan	135
5.2 Perbincangan	136
5.3 Cadangan	139
5.3.1 Negara	139
5.3.2 Masyarakat	140
5.3.3 Individu	141
5.4 Rumusan	142
RUJUKAN	143

SENARAIJADUAL

	Halaman
3.1 Senarai Lagu-Lagu Rakyat dan Negeri Asalnya	46
3.2 Perkiraan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)	49
4.1 Senarai Lagu-Lagu Rakyat dan Negeri Asalnya	60
4.2 Lirik Lagu Rakyat Melayu Terpilih Berdasarkan Setiap Negeri	61
4.3 Latar Belakang Responden	117
4.4 Jantina Responden	118
4.5 Umur Responden	119
4.6 Negeri Kelahiran Responden	120
4.7 Pengetahuan Tentang Lagu Rakyat	122
4.8 Jumlah Lagu Rakyat yang Diketahui Oleh Responden	125

SENARAI RAJAH

	Halaman
1.1 Peta Malaysia dan Lagu-Lagu Rakyat Terpilih Mengikut Negeri	14
3.1 Senarai Lagu-Lagu Terpilih Mengikut Negeri	47
3.2 Buku Teori Sastera Kontemporari	48
3.2 Perkiraan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)	49
4.1 Peta Malaysia dan Lagu-Lagu Rakyat Terpilih Mengikut Negeri	58
4.2 Poster Berkenaan Acara Wau Bulan di Kelantan Pada Tahun 2022	95
4.3 Persembahan Ulek Mayang	108
4.4 Jantina Responden	118
4.5 Umur Responden	119
4.6 Negeri Kelahiran Responden	121
4.7 Pengetahuan Tentang Lagu Rakyat	122
4.8 Minat Responden Terhadap Lagu Rakyat	123
4.9 Pengetahuan Responden Tentang Lagu Rakyat Negeri Sendiri	124
4.10 Jumlah Lagu Rakyat yang Diketahui Oleh Responden	125
4.11 Soalan Lagu Rakyat Negeri Terengganu	126
4.12 Soalan Lagu Rakyat Boria	127
4.13 Soalan Lagu Rakyat Melaka	128
4.14 Lagu Rakyat Puteri Santubong	129
4.15 Unsur Warisan dalam Lagu Rakyat	130
4.16 Perasaan Responden Terhadap Lagu Rakyat	131
4.17 Analisis Lagu Rakyat Negeri Kedah	132
4.18 Analisis Kebolehan Lagu Rakyat Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan ke Malaysia	133

Analisis Lagu-Lagu Rakyat Melayu Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan

Menggunakan Teori Sastera Budaya

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis berkenaan kebolehan lagu-lagu rakyat Melayu yang terdapat di Malaysia dalam menjadikannya sebagai satu medium tarikan pelancongan. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini kerana kurangnya pengetahuan masyarakat di Malaysia berkenaan lagu-lagu rakyat yang terdapat di negara ini. Masyarakat juga belum pernah menggunakan alternatif lagu rakyat sebagai satu medium tarikan pelancongan ke negara ini kerana ketidak yakinan terhadap kebolehan lagu-lagu rakyat Melayu dalam menarik perhatian dan minat pelancong. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dengan lebih mendalam berkenaan lagu-lagu rakyat terpilih iaitu sebanyak 26 buah lagu rakyat yang terdapat di Malaysia, sekaligus menganalisis nilai-nilai pelancongan yang terdapat di dalam lirik-lirik lagu terpilih menggunakan teori Sastera Budaya gagasan Chris Baker yang telah diolah oleh Mana Sikana. Kajian ini juga menggunakan kaedah soal selidik bagi menilai sejauh mana lirik lagu memberikan tarikan kepada masyarakat dan pelancong. Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif iaitu menerusi kaedah kepustakaan, analisis dokumen, analisis teks dan juga soal selidik yang dijalankan oleh 72 orang responden. Menerusi soal selidik tersebut, di akhir kajian ini pengkaji mendapati bahawa kesemua responden memiliki pengetahuan tentang lagu-lagu rakyat di Malaysia dan seramai 67 orang responden bersetuju bahawa lagu-lagu rakyat dapat dijadikan medium tarikan pelancongan di Malaysia. Pengkaji berharap agar menerusi kajian ini dapat membuka mata masyarakat bahawa lagu-lagu rakyat di Malaysia mempunyai nilai yang amat tinggi dan bukanlah sekadar lagu semata-mata.

Kata kunci: Kaedah Kepustakaan, Lagu Rakyat Melayu, Pelancongan, Soal Selidik, Teori Sastera Budaya.

*Analysis of Malay folk songs as a medium of tourist attraction using the literary
theory of culture*

ABSTRACT

The aim of this study was to analyse the ability of Malay folk songs in Malaysia as a medium of tourist attraction. The researcher chose to do this study due to the lack of knowledge of the community in Malaysia about the folk songs in the country. The community has never used the folk song alternative as a medium of tourist attraction to the country due to the lack of confidence in the ability that Malay folk songs can attract the attention and interest of tourists. Therefore, this study aims to identify more about the selected folk songs of 26 folk songs available in Malaysia, as well as to analyze the tourism values found in the lyrics of selected songs using the theory of Cultural Literature of Chris Baker which was later refined out by Mana Sikana. The study also used questionnaires to assess the extent to which song lyrics provide attraction to the community and tourists. To complete this study, the researcher used qualitative and quantitative data collection methods through the method of librarying, document analysis, text analysis and also questionnaires conducted by 72 respondents. Through the questionnaire, at the end of this survey, the researcher found that all respondents had knowledge of folk songs in Malaysia and 67 respondents agreed that folk songs can be used as a medium of tourist attraction in Malaysia. The researcher hopes that through this study, it will open the eyes of the public that folk songs in Malaysia have a very high value and are not just songs.

Keywords : Cultural Literary Theory, Library Method, Malay Folk Song, Questionnaire, Tourism.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Lagu rakyat merupakan sebuah bentuk sastera lisan yang disampaikan menerusi lirik dan dendangan nyanyian yang sering digunakan oleh masyarakat pada ketika dahulu. Lagu rakyat Melayu ialah lagu masyarakat Melayu yang lama yang berasal daripada sesebuah daerah di dalam Tanah Melayu (Nuraina Alia Mhd Hussin et al., 2023) Lagu rakyat yang bergenre kontemporari dan merupakan sebuah sastera yang berbentuk kolektif dan fungsional telah dicipta oleh masyarakat terdahulu, iaitu sekitar abad ke-20 di Tanah Melayu. Terdapat pelbagai definisi bagi lagu-lagu rakyat tradisional, termasuklah sebuah sastera yang disebarkan secara lisan, lagu yang berbentuk kolektif kerana tidak mempunyai pemilik atau pengarang, lagu yang mencerminkan identiti sesebuah budaya atau kebangsaan, lagu dan muzik yang berkembang dan mengalami perubahan dari generasi ke generasi yang dikenali sebagai proses rakyat. Lagu rakyat bukan sahaja wujud di Tanah Melayu, malah ianya mula wujud di negara-negara barat, dipanggil sebagai folk music sejak dari abad ke-19 dan berkembang dengan pesat pada tahun 1960-an. Kewujudan lagu rakyat di dalam sesebuah kaum adalah berasal daripada

masyarakat daripada kaum itu sendiri yang menyampaikan sesuatu penceritaan atau sesuatu perkara melalui nyanyian. Kebanyakan lagu-lagu rakyat adalah berkenaan tentang masyarakat itu sendiri, ataupun alam, haiwan, keadaan kawasan tersebut dan tumbuh-tumbuhan yang ada di sekeliling masyarakat. Melalui lagu rakyat, masyarakat di tanah Melayu dapat mengetahui dan mempelajari tentang masyarakat-masyarakat yang lain.

Seterusnya, pelancongan atau dalam Bahasa Inggeris dipanggil sebagai *tourism* merupakan sebuah perkataan yang berasal daripada Bahasa Latin iaitu 'tornate', dan Bahasa Greek yang disebut sebagai 'tornos'. Tornate dan tornos membawa maksud pergerakan manusia dalam suatu bulatan. Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat, pelancongan didefinisikan sebagai sebuah aktiviti melancong sekaligus menggalakan aktiviti perusahaan di sesebuah negara. Disamping itu, pelancongan merupakan sebuah aktiviti menjelajah dan merantau ke tempat yang melebihi 50 batu daripada kediaman asal seseorang, dan tidak melebihi jangka masa selama setahun.

Lanjutan daripada itu, menurut Pertubuhan Pelancongan Sedunia (PPS), pelancongan adalah sebuah aktiviti untuk mengisi masa lapang dengan mengenal tempat orang lain. Pelancongan dikategorikan kepada dua keadaan iaitu pelancongan antarabangsa, dimana destinasi pelancongan adalah di luar negara, sebagai contoh rakyat Malaysia melancong ke negara Korea. Pelancongan antarabangsa juga adalah kita sebagai rakyat Malaysia iaitu tuan rumah, menerima pelancong daripada luar negara datang ke negara kita. Seterusnya ialah pelancongan domestik yang berlaku apabila rakyat negara tersebut melancong di dalam negara asalnya tetapi masih berada di dalam jarak lima batu daripada tempat asal. Walau bagaimana pun, menjelajah ke tempat baharu di atas dasar bekerja tidak dikira sebagai melancong.

Ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan oleh Leiper (1981) yang memberi definisi kepada pelancongan sebagai satu sistem terbuka yang mempunyai hubungan di antara manusia dengan persekitaran yang luas. Pelancongan menurut Leiper (1981) mempunyai empat elemen, iaitu yang pertama ialah elemen manusia sebagai pelancong. Diikuti dengan elemen kedua iaitu elemen kawasan, sama ada kawasan asal manusia, kawasan persinggahan dan juga kawasan destinasi terpilih. Elemen seterusnya ialah elemen ekonomi dimana dengan adanya aktiviti pelancongan, ekonomi negara juga akan meningkat, dari segi industri pelancongan dan juga peniaga-peniaga tempatan yang mendapat pelanggan daripada aktiviti pelancongan ini. Elemen yang terakhir ialah elemen dinamik yang dimaksudkan sebagai kesan pelancongan terhadap individu itu sendiri. Elemen ini membincangkan tentang kesan melancong kepada individu yang mengembara atas pelbagai tujuan, seperti merehatkan minda daripada keadaan sekeliling di tempat asal mereka.

Maka, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tentang sejauh mana kebolehan lagu-lagu rakyat Melayu dalam menjadi satu medium tarikan pelancongan di Malaysia, menggunakan teori terpilih iaitu teori Sastera Budaya gagasan seorang sasterawan dan pengkritik tanah air, iaitu Abdul Rahman Hanafiah atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana. Pengkaji telah menemukan 26 buah lagu rakyat pilihan yang akan digunakan di dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana kebolehan lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu dapat menarik minat pelancong, dan secara tidak langsung dapat menjadi satu medium pelancongan di negara Malaysia. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini kerana belum pernah ada pengkaji yang mengkaji berkenaan lagu-lagu rakyat Malaysia sebagai satu medium tarikan pelancongan. Pengkaji juga memilih teori yang digunakan iaitu teori Sastera Budaya bagi menyempurnakan kajian ini kerana kurangnya teori ini diguna pakai dalam kajian pengkaji-pengkaji sebelumnya. Pengkaji akan menekankan kepada beberapa perkara iaitu 26 buah lagu-lagu rakyat yang terpilih, pelancongan di Malaysia dan pengaplikasian teori sastera budaya oleh Mana Sikana bagi melengkapkan kajian ini dengan sempurna.

1.2.1 Definisi Istilah dan Konsep

1.2.1.1. Lagu Rakyat Melayu

Kajian ini merangkumi 26 buah lagu rakyat Melayu terpilih yang terdiri daripada beberapa buah lagu rakyat bagi negeri-negeri yang terdapat di dalam Malaysia. Hal ini adalah kerana bagi menarik minat pelancong untuk datang melancong ke Malaysia, dan juga ke negeri-negeri asal bagi lagu-lagu rakyat yang terpilih. Lagu rakyat pertama yang telah dipilih oleh pengkaji merupakan lagu rakyat di negeri Perlis, iaitu lagu *Joget Pisang Emas* atau *Joget Kain Batik*, dan juga lagu *Ala Canggung* yang sering didendangkan dengan tarian canggung

masyarakat negeri Perlis yang mula dipelopori oleh seorang penduduk di Kangar, sekitar tahun 1950-an.

Seterusnya ialah lagu *Kenek-Keneklah Udang* dan lagu *Ayam Den Lapeh* yang merupakan lagu rakyat bagi masyarakat Negeri Sembilan yang didendangkan menggunakan loghat Minangkabau yang terdapat di Negeri Sembilan, dan dibuktikan lagi dengan tajuk lagu itu sendiri yang mengandungi loghat Minang iaitu 'den', yang membawa maksud 'saya' dalam Bahasa Melayu. *Kenek-kenek Lah Udang* merupakan lagu ciptaan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang mengandungi lirik-lirik berkenaan pasangan raja sehari.

Lagu rakyat terpilih seterusnya ialah *Keroncong Selangor* dan juga lagu *Can Mali Can* bagi lagu yang memiliki loghat Selangor. Lagu ini yang amat dikenali bukan sahaja oleh rakyat Malaysia, tetapi juga oleh rakyat Singapura dan Indonesia. Ini adalah kerana lagu *Can Mali Can* ini merupakan lagu rakyat Tanah Melayu pada ketika dahulu yang juga merangkumi negara Singapura dan Indonesia. Sehubungan dengan itu, lagu *Can Mali Can* mempunyai versi lain yang dipanggil sebagai lagu *Anak Kambing Saya*, di negara Indonesia. Lagu rakyat yang lain ialah lagu *Ayun Buai Kokek* dan *Ulek Mayang*. Berdasarkan tajuk lagu ini sendiri dapat dikenalpasti bahawa lagu ini merupakan lagu rakyat negeri Terengganu. Lagu *Ayun Buai Kokek* sering didendangkan ketika mendodoi anak untuk tidur. Lagu ini secara keseluruhannya menggunakan loghat negeri Terengganu seperti lirik 'hok dia lokek, hok orang dia nok'. Diikuti dengan dua buah lagu rakyat negeri pantai timur iaitu Kelantan, yang bertajuk *Ado Sekor Anak Tupa* dan lagu *Wau Bulan*.

Lagu-lagu ini haruslah didendangkan menggunakan loghat negeri Kelantan seperti ‘wau bule’, ‘perintah tuhe’, ‘atah jula moktea’ dan banyak lagi.

Lagu rakyat terpilih seterusnya ialah *Durian Dah Berbunga* dan *Joget Wan Lebor*, sebuah lagu rakyat yang mengandungi loghat asli negeri Perak, dikenali sebagai loghat lembah sungai Perak. Di sesetengah tempat sebelum mula meniti arus kemodenan dunia pada masa kini, lagu *Joget Wan Lebor* merupakan lagu yang dinyanyikan oleh kanak-kanak sewaktu bermain. Lagu rakyat seterusnya pula ialah lagu rakyat negeri Bumi Kenyalang, iaitu Sarawak. Lagu yang bertajuk *Bapak Mek Datang* dan lagu *Puteri Santubong*. Lagu *Puteri Santubong* ini adalah amat dikenali bukan sahaja dikalangan masyarakat di Sarawak, malah juga diseluruh negara Malaysia, dek kerana penyampaian jalan cerita berkenaan dua orang puteri yang menjadi simbolik negeri Sarawak, iaitu Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang.

Berikutnya, lagu rakyat yang bertajuk *Lagu Tiga Kupang* dan *Mai Cek Oi Mai* juga merupakan dua buah lagu rakyat terpilih dalam memustaidkan kajian ini. Lirik bagi *Lagu Tiga Kupang* boleh dikatakan tidak mengandungi loghat atau loghat mana-mana negeri di Malaysia, melainkan bagi perkataan ‘kupang’ yang dipercayai merupakan perkataan yang berasal daripada negeri-negeri di bahagian Utara Malaysia, seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perlis yang menggunakan perkataan kupang sebagai kata nama lain bagi ‘duit syiling’. Walaupun *Lagu Tiga Kupang* ini memiliki melodi yang ceria dan sesuai dinyanyikan kepada kanak-kanak ketika bermain, namun jika diselidik

dengan lebih teliti, lirik-lirik bagi lagu ini membawa penceritaan yang amat mendalam tentang kehidupan di dalam istana.

Lagu rakyat terpilih selain itu ialah lagu *Joget Kereta Lembu* dan lagu *Dondang Sayang* yang mempunyai penggunaan loghat Melaka dikalangan masyarakat Melayu dan juga Baba Nyonya. Lagu *Dondang Sayang* ini merupakan sebuah bentuk pantun yang kemudiannya didendangkan menjadi lagu. Lagu ini juga telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai sebuah warisan tidak ketara milik Malaysia, dek kerana keindahan bahasa yang digunakan di dalam lagu ini, sejurus menyerlahkan kelembutan dan kehalusan penggunaan bahasa masyarakat Melayu. Bagi negeri Johor pula, lagu rakyat terpilih ialah lagu *Tanjung Puteri* dan *Zapin Ya Salam*. Manakala bagi negeri Pulau Pinang pula, lagu rakyat yang dipilih ialah sebuah lagu yang bertajuk *Boria Pulau Pinang* dan juga *Boria Nasi Kandar*.

Berikut telah dinyatakan 26 lagu rakyat terpilih yang akan digunakan bagi memurnikan kajian ini. Lagu-lagu rakyat terpilih telah diseleksi mengikut keistimewaannya yang luar biasa dan dapat menyerlahkan lagi masyarakat Melayu di negeri-negeri di dalam Malaysia yang mempunyai keanekaragaman tersendiri.

1.2.1.2. Pelancongan

Pelancongan secara umumnya didefinisikan sebagai satu kajian berkenaan manusia yang melakukan sesuatu bertentangan dengan habitat semula jadi mereka iaitu berada di dalam satu tempat yang tetap. Aktiviti melancong secara tidak langsung telah melibatkan industri yang bertindak balas pada keperluan manusia semasa melancong, dan juga kesan keatas diri mereka dan industri itu daripada sudut sosiobudaya, ekonomi dan persekitaran. (Jafari, 1977). Namun, penjelasan yang dilakukan oleh Jafari dianggap sedikit rumit untuk difahami. Manakala menurut Noresah Bt Baharom (1997) berpendapat bahawa aktiviti melancong merupakan sebuah perlakuan manusia yang mulakan perjalanan ke lokasi yang ditetapkan dengan objektif yang jelas dalam fikiran, sambil mengekalkan niat untuk akhirnya kembali ke tempat asal seseorang. Usaha sebegitu menjanjikan pengalaman yang memuaskan dan memperkaya, membolehkan seseorang itu meluaskan ufuk mereka dan memperoleh cerapan baharu.

1.2.1.3. Teori Sastera Budaya

Kajian ini menggunakan teori sastera budaya yang merupakan sebuah teori ciptaan Abdul Rahman Hanafiah yang merupakan seorang sasterawan negeri Perak yang ketiga. Teori ini dicipta hasil daripada kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman Hanafiah atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana keatas teori pascamoden dan teori feminisme. Oleh hal demikian, teori sastera budaya ini merupakan teori yang dipengaruhi oleh teori pascamoden dan teori feminsime. Teori sastera budaya ini mula mengukir nama dikalangan pengkritik dan pengkaji sastera pada tahun 1990. Selain dari itu, teori ini merupakan sebuah teori yang sama kelompok dengan teori sosiologi, teori marxisme, teori feminisme dan teori pascamoden. Teori sastera budaya digunakan untuk mengkaji peranan dan fungsi teks kepada pembaca dalam menganalisis hubungan teks, pengarang dan juga pembaca terhadap politik, sosial, ekonomi dan budaya di dalam sesebuah teks sastera.

1.3 Permasalahan kajian

Bagi permasalahan kajian, pengkaji mendapati bahawa analisis berkenaan lagu-lagu rakyat Melayu sebagai satu medium tarikan pelancong menggunakan teori sastera budaya belum dikaji oleh mana-mana pengkaji. Hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat tidak berpendapat bahawa lagu-lagu rakyat yang ada di negara ini mampu dijadikan sebagai satu medium tarikan pelancongan ke negeri-negeri di dalam Malaysia.

Farihad Shalla Mahmud (2022), telah mendiskusikan tentang permasalahan pandangan masyarakat yang biselubungi alam mata tabloid terhadap lagu-lagu rakyat ini. Beliau mendapati bahawa masyarakat moden semakin pudar minatnya terhadap lagu-lagu rakyat dek kerana eksistensi pelbagai kriteria muzik yang lebih menarik minat masyarakat. Hal ini telah menyebabkan lagu-lagu rakyat dirundung kepupusan di dalam hidup masyarakat dan perlahan-lahan pudar ditelan zaman. Sebagaimana yang kita sedia maklum, wujudnya istilah 'lagu rakyat' adalah apabila lagu tersebut sering didengarkan oleh masyarakat, lebih-lebih lagi sewaktu aktiviti permainan kanak-kanak, sebagai contoh lagu *Joget Wan Lebor* dan *Tepuk Amai-Amai* yang digunakan sewaktu permainan tepuk tangan dan lagu *Air Pasang Pagi* yang digunakan sewaktu permainan lompat tali.

Masyarakat ketika dahulu juga menggunakan lagu-lagu rakyat untuk mendodoikan anak kecil, seperti lagu *Buai Laju-Laju*, *Ayun Buai Kokek* dan sebagainya mengikut loghat dan negeri sendiri. Kendatipun begitu, sifat mudah lupa masyarakat yang menyebabkan berlakunya permasalahan yang menimpa negara kita pada masa kini iaitu kanak-kanak di zaman globalisasi ini tidak terdedah dengan lagu-lagu rakyat yang sebelumnya menjadi kebanggaan masyarakat Melayu. Menurut Dato Zainal (2022), kanak-kanak pada masa kini lebih cenderung mengenali dan mempelajari lagu

berbahasa inggeris seperti lagu ‘Twinkle-twinkle In the Stars’, berbanding lagu rakyat Melayu seperti *Tepuk Amai-Amai*. Masyarakat *kian* lupa akan kata mutiara iaitu ‘pergilah kemana pun seperti burung, tapi jangan lupa asal usul’.

Manakala bagi permasalahan berkenaan pelancongan ialah, industri pelancongan Malaysia mengalami masalah yang amat sukar untuk dipulihkan seiring dengan kedatangan virus Covid-19 di seluruh dunia, di mana bukan sahaja pelancong daripada negara lain tidak dibenarkan datang melancong ke Malaysia, malah rakyat Malaysia juga tidak dibenarkan melakukan aktiviti pelancongan domestik ke negeri-negeri di dalam Malaysia (Iskandar Mirza, 2022). Masalah ini berlaku pada tahun-tahun seluruh dunia menghadapi masalah yang dibawa oleh virus Covid-19 ini, iaitu pada tahun 2019, 2020 dan juga 2021. Walaupun begitu, seiring waktu berjalan, komplikasi berkenaan virus ini semakin pulih dan dunia mula kembali ke sedia kala. Hal ini dibuktikan lagi dengan pembukaan pintu sempadan antara negeri-negeri di dalam Malaysia pada November 2021 dan membenarkan aktiviti pelancongan domestik berjalan seperti biasa. Masyarakat mula membuka langkah mengekskursi negeri-negeri di Malaysia dan secara perlahan memulihkan kembali masalah yang dialami di dalam industri pelancongan. Sementelahan itu, Malaysia mula membuka sempadan negara dan mula menerima pelancong antarabangsa pada bulan April 2022. Menurut sumber yang dipercayai, pada tahun 2022 Malaysia telah menerima pelancong sebanyak 50% daripada tahun 2019.

Dalam pada itu, Malaysia masih tidak menerima perhatian sebagai sebuah negara yang memiliki banyak perkara menarik yang harus diterokai, termasuklah lagu-lagu rakyat Melayu di negara ini. Oleh yang sedemikian, kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh manakah lagu-lagu rakyat Melayu ini dapat menarik minat warga dunia dan secara tidak langsung dapat menjadi asbab tarikan pelancong ke Malaysia dan negeri-negeri di dalamnya.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini meneliti beberapa persoalan berkaitan tajuk ini iaitu:

- 1.4.1 Apakah lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia?
- 1.4.2 Apakah nilai pelancongan yang terdapat di dalam lirik lagu-lagu rakyat terpilih?
- 1.4.3 Sejauh manakah lirik lagu rakyat tersebut memberikan tarikan kepada pelancong?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:


- 1.5.1 Mengenalpasti lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia
- 1.5.2 Menganalisis nilai pelancongan yang terdapat di dalam lirik lagu terpilih
- 1.5.3 Menilai sejauh mana lirik lagu memberikan tarikan kepada pelancong

1.6 Skop Kajian

Skop kajian yang terdapat di dalam kajian ini adalah menjerumus kepada 26 lagu-lagu rakyat Melayu yang terpilih, pelancong antarabangsa dan pelancong domestik. Kesepuluh lagu-lagu rakyat tersebut diambil daripada sumber internet. Lagu-lagu rakyat terpilih adalah tidak hanya menggunakan Bahasa baku Melayu sahaja, kerana pengkaji telah memilih lagu-lagu yang mempunyai loghat bagi negeri-negeri di dalam Malaysia seperti negeri Terengganu, Kelantan, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Sarawak dan juga loghat negeri-negeri di bahagian Utara Malaysia. Hal ini bertujuan untuk membuka mata masyarakat dan pelancong antarabangsa bahawa bahasa Melayu di Malaysia tidak hanya mempunyai satu loghat sahaja. Menurut Azhar Rahman (2016), rakyat Malaysia mempunyai 10 loghat dan loghat rasmi yang digunakan dalam penuturan bahasa Melayu di kalangan masyarakat seluruh negara.

Sebagaimana yang dapat diperoleh daripada sumber internet, terdapat banyak lagu-lagu rakyat Melayu yang menggunakan kesepuluh loghat di dalam Malaysia. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih 26 lagu rakyat Melayu yang mengandungi 13 loghat yang terdapat di dalam Malaysia di setiap negeri iaitu negeri Terengganu, Pahang, Kelantan, Perak, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Lagu-lagu rakyat Melayu tersebut ialah *Ayun Buai Kokek* dan *Ulek Mayang* (loghat Terengganu), *Anak Ayam Turun 10* dan *Indung-Indung* (loghat Pahang), *Wau Bulan* dan *Ado Seko Anok Tupa* (loghat Kelantan), *Joget Wan Lebor* dan *Durian Dah Berbunga* (loghat Perak), *Ala Canggung* dan *Joget Pisang Emas* (loghat Perlis), *Can Mali Can* dan *Keroncong Selangor* (loghat selangor), *Ayam Den Lapeh* dan *Kenek-kenek Udang* (loghat Negeri Sembilan), *Tanjung Puteri* dan *Zapin Ya Salam* (loghat Johor), *Lagu 3 Kupang* dan *Mai Cek Oi*

Mai (loghat Kedah), *Hikayat Budak Penang* dan *Pulau Pinang Kita* (loghat Pulau Pinang), *Dondang Sayang* dan *Joget Kereta Lembu* (loghat Melaka), *Jambatan Tamparuli* dan *Gunung Kinabalu* (loghat Sabah), dan yang terakhir ialah lagu *Puteri Santubong* dan *Bapak Mek Datang* (loghat Sarawak).



(Rajah 1.1: Peta Malaysia dan lagu-lagu rakyat terpilih mengikut negeri)

Sumber: Nurul Syuhada Sharol (2023)

Skop kajian seterusnya ialah berkenaan pelancong antarabangsa dan pelancong domestik yang melakukan aktiviti melancong di dalam Malaysia. Kajian ini berfokuskan kepada kebolehan lagu-lagu rakyat terpilih dalam menarik minat pelancong untuk menambahbaikkan industri pelancongan di Malaysia. Ini adalah kerana, lagu-lagu rakyat terpilih mempunyai keunikannya yang tersendiri di dalam jiwa rakyat Malaysia, justeru kajian ini dilakukan bagi melihat apakah tindakbalas berkenaan melancong kepada individu yang mendengar lagu-lagu rakyat ini.

Tambahan daripada itu, kaedah kuantitatif juga digunakan dalam menjayakan kajian ini. Kaedah ini ditujukan bagi membuat pemerhatian terhadap masyarakat akan pandangan mereka berkenaan kegunaan lagu-lagu rakyat Melayu menjadi satu medium tarikan pelancongan. Kaedah ini menggunakan aplikasi Google Form dalam mengumpul data yang diperolehi daripada responden.

Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif yang diaplikasikan dalam mengumpul maklumat yang diperlukan bagi kajian ini, berdasarkan sumber-sumber yang dipercayai, termasuklah bahan bacaan ilmiah di perpustakaan seperti buku dan majalah. Kaedah kualitatif juga adalah termasuk bahan bacaan yang terdapat di dalam sumber internet seperti jurnal, artikel dan sebagainya.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kepentingan Kepada Negara

Kajian ini diharapkan dapat membantu Negara Malaysia dalam meningkatkan bilangan jumlah pelancongan yang datang melancong ke Malaysia. Hal ini adalah kerana, sudah menjadi satu objektif kajian ini iaitu untuk membantu meningkatkan jumlah pelancongan melalui 26 buah lagu-lagu rakyat terpilih sebagai satu medium tarikan pelancongan.

1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi kepentingan kepada semua masyarakat dalam menyemaikan pengetahuan berkenaan lagu-lagu rakyat Melayu yang amat menarik tiada tolak bandingnya. Kajian ini juga diharapkan dapat membuka mata masyarakat bahawa lagu-lagu rakyat Melayu amatlah berharga dan mempunyai banyak maksud tersirat yang harus diterokai dan dihayati oleh masyarakat kita, sekaligus dapat menarik minat masyarakat terhadap lagu-lagu rakyat Melayu yang malangnya kini makin pupus ditelan zaman. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu sektor pelancongan Malaysia dan negeri-negeri di dalam Malaysia. Ini adalah kerana apabila masyarakat menyedari tentang keindahan lagu-lagu rakyat Melayu di setiap negeri, secara tidak langsung dapat galakkan masyarakat untuk melancong dan ekskursi negeri-negeri tersebut, sekaligus dapat menambah baik industri pelancongan di negara kita. Dengan adanya kajian ini diharapkan masyarakat dan pengkaji lain mampu menambah ilmu berkenaan teori Sastera Budaya yang digunakan.

1.7.3 Kepentingan Kepada Individu

Kajian ini telah membantu pengkaji dalam meningkatkan pengetahuan pengkaji terhadap lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia, lebih-lebih lagi terhadap 26 lagu rakyat yang terpilih. Pengkaji tidak menafikan bahawa sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji tidak terlalu fokus dan mengambil tahu tentang lagu-lagu rakyat. Akan tetapi, apabila pengkaji menjalankan kajian ini, pengkaji lebih peka akan lagu-lagu rakyat di Malaysia dan maksud yang diterapkan di

dalam lirik lagu-lagu tersebut. Pengkaji juga secara tidak langsung dapat menambah ilmu pengetahuan berkenaan isu-isu pelancongan di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga dapat menerapkan pengetahuan dengan lebih mendalam berkenaan teori terpilih iaitu teori Sastera Budaya yang diulas oleh Mana Sikana. Pengkaji boleh menggunakan teori ini dengan mudah selepas ini kerana pengkaji telah memahami dengan mendalam tentang teori terpilih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa bab satu mengandungi penjelasan yang telah dibuat oleh pengkaji berkenaan definisi dan konsep lagu rakyat Melayu dan konsep pelancongan secara terperinci merangkumi pelancongan antarabangsa dan pelancongan domestik. Selain itu, pengkaji juga telah membincangkan berkenaan permasalahan terhadap kajian yang dilakukan, termasuklah permasalahan sosial pada masa kini iaitu kurangnya minat masyarakat zaman globalisasi terhadap lagu-lagu rakyat Melayu tradisional. Tiga soalan kajian juga telah dinyatakan oleh pengkaji, sekaligus menyatakan objektif berkenaan kajian ini. Selain itu juga, pengkaji telah mengemukakan skop dan batasan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Di dalam bab satu ini juga, pengkaji telah mempresentasikan beberapa kepentingan kajian ini terhadap masyarakat, individu, pihak Universiti Malaysia Kelantan, dan juga kepada pengkaji sendiri.

BAB 2

Sorotan Kajian Lepas

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian lepas atau dalam bahasa inggerisnya dipanggil sebagai *literature review* adalah seperkara yang amat penting dalam sesuatu kajian. Sorotan kajian lepas adalah bertujuan untuk melihat sejauh manakah pengkaji-pengkaji lain telah menjalankan kajian berkenaan tajuk kajian yang dipilih. Menerusi sorotan kajian lepas juga, pengkaji dapat meresap ilmu pengetahuan pengkaji-pengkaji lain berkenaan sesuatu perkara, secara tidak langsung dapat menjadi saluran kepada pengkaji untuk memperolehi sumber rujukan primer. Sorotan kajian adalah terdiri daripada kajian lepas yang telah dilakukan dan dapat diperolehi dalam sumber yang berbeza seperti sumber tesis, artikel jurnal, buku, majalah dan lain-lain yang terjamin kesahihannya. Pengkaji akan mengkaji beberapa sorotan kajian lepas terhadap lagu rakyat, pelancongan, dan juga terhadap teori terpilih iaitu teori Sastera Budaya.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Lagu Rakyat

Kajian-kajian yang didapati di bawah merupakan sorotan kajian-kajian lepas berkenaan lagu rakyat yang terdapat di Malaysia.

2.2.1 Tesis

Berikut merupakan kajian-kajian lepas berkaitan dengan lagu rakyat yang telah diperolehi menerusi kajian tesis:

Menurut sebuah kajian yang dilakukan oleh Nor Faizah Ismail (2022: 2-4) di dalam kajiannya yang bertajuk ‘Kajian Terhadap Lagu-Lagu Rakyat Yang Popular di Negeri Kelantan’ lagu rakyat merupakan sebuah sastera berbentuk nyanyian yang telah dicipta oleh masyarakat terdahulu yang kemudiannya diwarisi sehingga ke generasi terkini. Kajian beliau bertujuan untuk mengkaji lagu-lagu rakyat yang popular di negeri Kelantan, menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Lagu rakyat juga diciptakan dan didendangkan tidak hanya bertujuan untuk berhibur semata-mata. Malahan, kebanyakan lagu rakyat yang tercipta mempunyai unsur nasihat yang dapat mendidik dan mengajar masyarakat, lebih-lebih lagi berfokuskan kepada masyarakat muda iaitu remaja dan kanak-kanak. Secara tidak langsung, lagu rakyat boleh diambil kira sebagai salah satu medium pelajaran tidak formal.

Seterusnya, menurut kajian yang telah dilakukan oleh Faiziah Haji Shamsudin (2015: 31-33) menerusi kajiannya yang berjudul ‘Bongai sebagai manifestasi bahasa dan budaya berdasarkan pendekatan semiotik.’ mengatakan bahawa lagu rakyat merupakan satu seni kesusasteraan yang penting di dalam hidup setiap manusia kerana ianya merupakan satu khazanah yang harus dikekalkan, lebih-lebih lagi di dalam tradisi masyarakat Melayu. Beliau

menjalankan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam menilai kebolehan lagu rakyat Negeri Sembilan yang bertajuk Bongai dalam manifestasi bahasa dan budaya menerusi pendekatan semiotik. Beliau juga mengatakan bahawa setiap lagu rakyat yang tercipta secara amnya mempunyai maksud-maksud tersurat fungsi tersendiri yang tertentu dan dalam sesebuah kumpulan masyarakat.

Lain daripada itu, lagu rakyat merupakan satu bentuk seni yang menggabungkan puisi, lagu, dan rima, telah disanjung oleh masyarakat Melayu sejak turun-temurun. Ini adalah pandangan Wan Nur Atikah Wan Rahman (2011: 4-15) di dalam tesis sarjana mudanya yang bertajuk 'Kajian Terhadap Tema dan Persoalan Di Dalam Lagu Rakyat Kelantan'. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji tema dan persoalan yang terdapat di dalam lagu rakyat Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengaplikasian teori Sosiologi. Menerusi kajian ini, dapat dilihat bahawa lirik yang terdapat di dalam lagu-lagu rakyat ini dilihat sebagai cara mewariskan keindahan bahasa dan budaya daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Lagu-lagu rakyat, yang lazimnya dinyanyikan oleh ahli-ahli masyarakat tradisional pada masa lalu, mempunyai tujuan penting selain hiburan semata-mata. Lagu rakyat juga merupakan satu cara untuk mendidik dan menyampaikan nilai kepada masyarakat. Lagu-lagu rakyat ialah melodi yang dibunyikan oleh individu-individu yang tergolong dalam masyarakat konvensional zaman dahulu, bukan sahaja sebagai sumber hiburan tetapi juga sebagai sarana untuk mendidik masyarakat. Pada zaman dahulu, penyanyi dan penghibur lagu-lagu ini diiktiraf bukan sahaja sebagai penghibur tetapi juga sebagai penglipur lara, yang menceritakan kisah-kisah cerita rakyat.

Selain itu, berdasarkan pendapat Rosyiha Sedik (2010: 2-5) di dalam kajiannya yang bertajuk 'Nilai-Nilai Murni Dalam Lagu Rakyat Terengganu' menyatakan definisi lagu rakyat adalah sebuah lagu yang menjadi identiti sesebuah masyarakat kerana bahasa yang digunakan di dalam lagu rakyat merupakan bahasa dan loghat bagi masyarakat itu sendiri, bergantung kepada kawasan dan negeri yang didiami oleh mereka. Kajian ini dilakukan bagi melihat nilai-nilai murni yang terdapat di dalam lagu rakyat negeri Terengganu, menggunakan kaedah kualitatif. Objektif kajian yang dilakukan oleh Rosyiha Sedik ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan lagu-lagu rakyat Terengganu kepada masyarakat dengan lebih meluas, kerana lagu-lagu rakyat Terengganu sudah makin tidak dikenali lagi.

Kajian lepas berbentuk tesis yang seterusnya ialah hasil penulisan tesis yang dibuat oleh Nur Asmira Mat Din (2011: 10-18) bertajuk 'Kajian Tentang Nilai Murni Dalam Lagu-Lagu Rakyat Koleksi Aripin Said'. Kajian ini menggunakan teori Sosiologi, seiring dengan penggunaan kaedah kualitatif dalam mencari dan mengumpul data dan bahan-bahan yang relevan untuk dijadikan rujukan dalam memurnikan kajian ini. Menurut beliau, lagu rakyat merupakan sebuah medium penglipur lara masa lalu dalam masyarakat Melayu. Kewujudan lagu rakyat pada ketika dahulu adalah bukan sekadar untuk berhibur, malahan ianya juga untuk memberi iktibar dan pengajaran tidak formal kepada masyarakat.

2.2.2 Artikel Jurnal

Berikut di bawah merupakan kajian-kajian lepas terhadap lagu rakyat yang diperolehi daripada artikel-artikel jurnal:

Sebuah artikel jurnal yang telah dijalankan oleh Siti Nor Khalie dan Mohd Nazri (2017: 1-5) yang bertajuk ‘Kreativiti Menerusi Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli Sebagai Bahan Pembelajaran Asas Literasi’ menfokuskan kepada cara penyampaian ilmu kepada anak-anak masyarakat Orang Asli di Malaysia menerusi medium lagu rakyat. Pendekatan yang dijalankan bagi menyempurnakan kajian ini ialah berbentuk kualitatif dan kuantitatif, dengan menjalankan beberapa tembuwal dengan pakar lagu rakyat dan masyarakat Orang Asli. Kajian ini menjelaskan bahawa lagu rakyat boleh dijadikan sebagai satu medium penyampaian ilmu kepada masyarakat sejak zaman dahulu, bahkan sehingga zaman kini. Ini adalah kerana, lagu rakyat mengandungi pelbagai pengajaran dan nilai-nilai murni yang dapat diperolehi daripadanya.

Seterusnya ialah artikel jurnal yang ditulis oleh Farisha Shazali (2017) bertajuk ‘Konsep Lagu Rakyat’ dimana ianya berkenaan lagu-lagu rakyat yang wujud di dunia ini. Pengarang menyatakan bahawa lagu-lagu rakyat Melayu berasal dari suatu kawasan di dalam Tanah Melayu yang kini merangkumi negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan juga kawasan-kawasan kepulauan terpencil di Nusantara. Menurut kajian ini, lagu rakyat memperlihatkan tentang masyarakat, alam, haiwan dan juga senario yang menggambarkan kawasan dan kehidupan di kawasan tersebut.

Kajian lepas berbentuk artikel jurnal seterusnya ialah hasil penulisan dan kajian Ismail Ahmed dan Ab Samad Kechot (2015: 307-308) yang mengkaji tentang 'Lagu Melayu Asli: Unsur Sinkretisme Dalam Instrumentasi Persembahan.' Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data sekunder yang merupakan bahan-bahan perpustakaan. Kajian ini berpendapat bahawa lagu Melayu asli adalah sinonim bagi lagu rakyat Melayu. Lagu rakyat melambangkan identiti sesebuah masyarakat di tanah tersebut. Kajian ini menyatakan bahawa lagu rakyat lebih enak didengari jika diiringi dengan dendangan alatan muzik tradisional seperti gong, rebana dan seruling.

Menurut Muhammad Takari Jilin (2013) di dalam kajiannya yang bertajuk 'Lagu-Lagu Melayu Sebagai Komunikasi Lisan' merupakan sebuah usaha beliau dalam menghuraikan lagu-lagu Melayu sebagaimana komunikasi lisan di dalam sosiobudaya. Di dalam kajian ini membincangkan tentang lirik dan teks-teks lagu rakyat berbahasa Melayu yang memiliki ciri-ciri khas dibandingkan dengan komunikasi verbal dengan bahasa seharian. Ini adalah kerana, menurut beliau, lagu-lagu rakyat Melayu mampu menjadi satu medium komunikasi lisan kerana dendangan lagu puisi tradisional Melayu dianggap sangat bermartabat, berbudaya tinggi, beretika, bersopan, berseni dan banyak lagi aspek-aspek murni lainnya.

Kajian lepas berbentuk artikel jurnal yang terakhir ialah merupakan sebuah kajian yang dilakukan oleh Xiao Li Meng dan juga David A. Dyk (1997: 511-567) bertajuk *An Old Folk Song Sung to a New Tune* yang diterjemahkan kepada Lagu Rakyat Lama Yang Dinyanyikan Menggunakan Irama Baru. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dimana sebuah kajian berkenaan lagu-

lagu rakyat tradisional dinyanyikan menggunakan irama lagu-lagu zaman moden. Kajian ini berpendapat bahawa lagu rakyat tradisional makin tidak menarik minat masyarakat kini kerana irama yang dianggap tidak rancak sepertimana lagu-lagu pada zaman globalisasi ini.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

2.2.3 Buku / Majalah dan lain-lain

Berikut merupakan kajian-kajian lepas terhadap lagu rakyat yang diperolehi daripada buku, majalah dan juga laman sesawang:

Dapatan kajian seterusnya diperolehi daripada akhbar digital Utusan Malaysia yang diperolehi menerusi laman sesawang. Akhbar digital ini merupakan penulisan Aida Rizmariza Kamaruddin (2020) dengan tajuknya iaitu 'Tiada Jati Diri Punca Lagu Rakyat Pupus'. Masyarakat kini didapati tidak lagi berminat dengan lagu rakyat tradisional, dan ini dikaitkan dengan permasalahan tiada jati diri dalam hidup masyarakat globalisasi kini. Selain itu, permasalahan ini juga dikaitkan dengan ketidakarifan penggerak seni budaya dalam penggunaan media sosial yang sudah menjadi sebahagian daripada hidup masyarakat millennial zaman kini. Perkara ini diulas lagi oleh Prof. Datuk Dr. Aripin Said mengenai lagu-lagu rakyat yang semakin ditelan zaman, dek kerana ramai penglipur lara pada zaman kini sudah tidak mempunyai minat untuk memperjuangkan khazanah seni bangsa.

Seterusnya ialah sebuah naskah yang juga ditulis oleh Aripin Said, dan diterbitkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang bertajuk Nyanyian Rakyat (2011) adalah berkisarkan tentang prosa dan puisi rakyat, termasuklah lagu-lagu rakyat. Kandungan naskah ini dapat dibaca di laman sesawang KKD iaitu Kementerian Komunikasi dan Digital. Di dalam naskah ini menyatakan bahawa lagu rakyat kebiasaannya disampaikan oleh penglipur lara yang profesional, mahupun oleh orang-orang sekeliling di dalam masyarakat seperti dari kalangan ibu bapa, nenek dan lain-lain secara amaturnya. Khalayak yang menjadi sasaran terhadap intipati pengajaran di dalam lagu-lagu

rakyat yang disampaikan ialah kepada segala peringkat umur dalam kalangan masyarakat, tidak juga mengira jantina. Di dalam penulisan beliau juga menyatakan bahawa kegemilangan dan kehebatan lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu ini amatlah gah di dunia sehingga berjaya menjadi begitu banyak kajian yang dilakukan oleh para sarjana barat seperti Wilkinson, Skeat, Winsteadt dan lain-lain.

Menurut sebuah naskah yang bertajuk Lagu Rakyat: *Memupuk Kesantunan Melayu* karya Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (2006: 270-271) mengatakan bahawa sastera rakyat yang berbentuk lagu rakyat ialah satu bentuk penceritaan yang menawan dan menarik hati yang menggunakan bahasa tersendiri yang mudah difahami oleh masyarakat. Kandungan yang terdapat di dalam naskah ini ialah bertujuan untuk mengkaji bagaimanakah cara bagi membentuk kesantunan masyarakat Melayu, menerusi lagu-lagu rakyat yang sedia ada. Kebanyakan cerita yang disampaikan bagi membentuk kesantunan masyarakat Melayu ini tidak rumit. Menurut naskah ini, lagu-lagu rakyat masa kini mempunyai ciri-ciri tersendiri yang menjadikannya sesuai untuk pelbagai majlis sosial dan upacara dalam sesebuah komuniti dan masyarakat. Lagu-lagu ini bukan sahaja menyampaikan kepercayaan dan nilai bersama kumpulan tertentu, tetapi juga menampilkan irama dan melodi yang santai yang boleh dinyanyikan dengan mudah oleh individu dari semua peringkat umur. Selain itu, lagu-lagu rakyat ini sangat kondusif untuk memupuk rasa perpaduan dan menggalakkan pembangunan semangat manusia, menjadikannya pilihan yang ideal untuk acara dan perhimpunan khalayak masyarakat.

Seterusnya, Aripin Said di dalam bukunya yang bertajuk 'Puisi Warisan' (1994) di dalam bab 8 membincangkan berkenaan lagu rakyat yang disebut

sebagai nyanyian rakyat. Buku ini mengandungi 11 bab yang menyebut tentang semua jenis puisi yang terdapat di dalam dunia kesusasteraan Melayu, seperti pantun, syair, gurindam, seloka, mantera, nyanyian rakyat dan puisi-puisi klasik. Dengan adanya buku ini, pengkaji dapat memahami maksud lagi bagi lagu rakyat iaitu ianya merupakan salah satu bentuk puisi klasik, dengan irama yang merdu dan menarik. Lagu rakyat juga mempunyai nilai pendidikan.

Walaupun bagaimanapun, puisi yang berbentuk lagu rakyat ini seperti terpinggir di dalam dunia sastera yang dipelajari oleh para sarjana khususnya sarjana Barat. Banyak lagu-lagu rakyat telah hilang kerana peredaran zaman. Ini mungkin kerana pada ketika dahulu, masyarakat tidak mempunyai teknologi yang canggih dalam merakam lagu-lagu rakyat seperti pita suara, perakam pita dan perakam video. Situasi ini adalah salah satu kemungkinan lagu-lagu rakyat tidak banyak tersebar di dalam masyarakat pada zaman moden ini.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Pelancongan

2.3.1 Tesis

Berikut di bawah merupakan kajian lepas berbentuk pelancongan yang diperolehi daripada kajian tesis:

Sebuah kajian lepas berbentuk tesis telah dijalankan oleh Nurul Shahida Hamdan (2016) dan berjudul Profil, Motif dan Persepsi Pelancongan Terhadap Langkawi, Malaysia Sebagai Destinasi Pelancongan Sukan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan profil pelancongan dalam menentukan motif dan persepsi pelancongan ke Langkawi sebagai destinasi pelancongan sukan. Menurut kajian ini, pelancongan membawa maksud sebuah aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat, keluar daripada persekitarannya yang asal dan menetap di situ sekurang-kurangnya 24 jam, dan tidak lebih daripada setahun, bagi tujuan rehat.

Sebuah kajian tesis bertajuk 'Pelancong Bandar Dan Isu Keselamatan: Kajian Kes Pelancong Antarabangsa Kuala Lumpur' yang ditulis oleh Fauziah Che Leh (2016) bertanggapan bahawa di dalam konteks pelancongan bandar, keselamatan pelancong adalah menjadi satu kebimbangan besar terhadap sesebuah negara yang membangun, termasuklah Malaysia. Ini adalah kerana, kejadian yang tidak diingini berlaku kepada pelancong mampu memberi kesan negatif kepada industri pelancongan di sesebuah negara. Kajian ini mengatakan bahawa industri pelancongan merupakan sebuah sektor yang berkembang dengan pantas dan dapat mempengaruhi pelbagai aspek, termasuklah aspek sosio politik dan juga kewangan.

Sebuah lagi kajian berbentuk tesis adalah berjudul *Analisis Keperluan Tenaga Manusia dalam Industri Pelancongan di Malaysia*, yang dikaji oleh Nurul Ain Mokhtar, Poo Bee, dan Norlida Mohd Salleh (2012). Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai dan menganalisis pengambilan tenaga pekerja yang diperlukan di dalam industri pelancongan di negara ini. Menurut kajian ini, industri pelancongan merupakan salah satu sektor yang menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi di negara ini. Seiring dengan berkembang dan meningkatnya industri pelancongan di negara ini, tenaga-tenaga manusia diperlukan, meliputi subsektor seperti hotel, restoran, pengangkutan, hiburan dan lain-lain lagi.

Kajian lepas berbentuk tesis seterusnya ialah bertajuk hasil penulisan Johan Afendi dan Mohamad Zaki Ahmad (2011) berjudul *Pelancongan Langkawi 1987 – 2010: Pencapaian dan Cabaran Masa Depan*. Kajian ini membincangkan tentang pencapaian pelancongan di Langkawi, meliputi latar belakang pembangunan, dasar dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam pelancongan. Menurut sumber yang diperolehi daripada kajian ini, perkembangan pesat pelancongan di Langkawi bermula apabila kerajaan mengurniakan status bebas cukai pada tahun 1987.

Menurut Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi dan Mohd Salleh (2008) menerusi kajiannya yang bertajuk *Membangunkan Kuala Kedah Sebagai Destinasi Pelancongan Warisan: Penerapan Konsep Pembangunan Pelancongan Lestari*, salah satu komponen utama di sesebuah negara ialah menerusi pembangunan pelancongan, terutamanya apabila ianya digabungkan dengan aktiviti warisan yang kian berkembang pesat. Hal ini adalah kerana, masyarakat sudah sedia maklum bahawa aktiviti pelancongan membawa impak besar keatas

perkembangan ekonomi negara. Sekiranya sumber-sumber pelancongan dimusnahkan, maka sesebuah kawasan pelancongan itu tidak lagi mampu menarik minat pelancong. Oleh hal demikian, dapat dilihat bahawa kawasan-kawasan pelancongan harus dipelihara bagi mengekalkan aktiviti pelancongan berlangsung dengan sempurna.

2.3.2 Artikel Jurnal

Berikut merupakan kajian lepas berkenaan pelancongan yang diperolehi daripada artikel jurnal:

Arikel jurnal yang ditulis oleh Ratna, Jabil, Mazdi dan Rosmiza (2015) membincangkan tentang isu pelancongan Islam yang bertajuk '*Pelancongan Islam: Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia*'. Kajian ini menyatakan tentang permasalahan yang dihadapi oleh industri pelancongan Malaysia setelah berlakunya peristiwa 9/11 yang dikaitkan dengan penganut agama Islam, yang mana turut menjejaskan negara Malaysia, selaku negara yang memilih agama Islam sebagai agama rasmi. Menurut kajian ini, pelancongan berasaskan agama adalah satu segmen pelancongan alternatif yang memiliki pengkaji dan pengamalanya tersendiri. Sejak konsep pelancongan Islam mula diperkenalkan, cabaran utama yang dihadapi oleh negara Malaysia ialah adakah pelancongan itu berteraskan kepada perspektif budaya dan agama Islam semata-mata. Namun, persoalan itu telah menerima jawapan iaitu negara Malaysia tidak hanya mengalu-alukan penganut agama Islam sahaja untuk melancong ke negara ini.

Selain itu, kajian berbentuk artikel jurnal yang ditulis oleh Er Ah Choy (2013) yang bertajuk '*Pembangunan Pelancongan Lestari di Melaka: Perspektif Pelancong*', berpendapat bahawa aktiviti pelancongan merupakan satu aktiviti penting di dalam sektor perkhidmatan. Sumbangannya kepada dapatan negara semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif di dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. Hal ini adalah kerana, di Melaka terdapat pelbagai tapak warisan sejarah seperti A-

Famosa, Stadhuys dan sebagainya. Oleh hal demikian, negeri Melaka telah tersenarai di bawah UNESCO sebagai salah satu tapak warisan dunia.

Sebuah kajian lepas berbentuk artikel jurnal ini merupakan sebuah penulisan milik Jamaluddin Md. Jahi (2009) yang bertajuk *Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Fizikal Pinggir Pantai*. Kajian beliau adalah bertujuan untuk melihat impak kepada persekitaran di pinggir pantai dek kerana pembangunan sektor pelancongan. Menurut kajian ini, industri pelancongan merupakan sebuah sektor yang berkembang dengan pesat di negara ini sejak lebih tiga dekad yang lalu. Di negara ini, pelancong sering tertarik dengan zon pinggir pantai sekaligus menjadikan kawasan pinggiran pantai menjadi tumpuan pelancong bukan hanya dari luar negara, malah juga kepada pelancong domestik.

Diikuti dengan itu, kajian jurnal yang dilakukan oleh Norzalita, Ahmad Azmi dan Tan Wie Vien (2009) di bawah tajuk *Kajian Awalan ke atas Potensi Pelancongan dalam Pasaran Remaja di Malaysia*. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji minat dan penglibatan remaja di Malaysia dalam melakukan aktiviti pelancongan kembaraan. Bagi memurnikan kajian ini, borang soal selidik telah dilakukan ke atas kalangan remaja di negara ini. Menurut kajian ini, industri pelancongan telah berusaha untuk meningkatkan sumbangan kepada sektor perkhidmatan dan ekonomi secara menyeluruh. Negara Malaysia juga telah memperuntukkan wang sebanyak RM858 juta bagi melaksanakan pelbagai jenis program pelancongan.

Sebuah kajian jurnal yang bertajuk *Pengaruh Warisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi* telah ditulis oleh Mohd Samsudin dan Sulong Mohamad membincangkan tentang sejauh manakah faktor sejarah dapat

mempengaruhi pertambahan jumlah kedatangan pelancong di Pulau Langkawi, Kedah. Berdasarkan apa yang dinyatakan di dalam kajian ini, industri pelancongan merupakan sebuah salah satu aktiviti yang dapat memberikan keuntungan yang besar kepada sesebuah negara.



2.3.3 Buku / Majalah dan lain-lain

Berikut merupakan kajian lepas berkenaan pelancongan yang diperolehi daripada buku, majalan, laman sesawang dan lain-lain:

Kajian lepas ini diperolehi daripada akhbar digital Berita Harian yang membincangkan tentang negara *Malaysia Destinasi Pelancongan Kedua Popular Tahun Baharu Cina*, yang ditulis oleh Hazwan Faisal Mohamad (2023). Akhbar ini menyatakan bahawa Malaysia muncul sebagai destinasi kedua yang mempunyai carian tertinggi di kalangan pelancong di Asia sempena sambutan Tahun Baharu Cina, berdasarkan data carian percutian digital global, Agoda. Ketua Pegawai Eksekutif Agoda berkata bahawa ianya merupakan satu perkembangan yang sangat baik kepada negara ini.

Kajian lepas ini bertajuk *Sektor Pelancongan Kena Siap Siaga Berdepan Bencana*, yang diperolehi daripada akhbar digital, iaitu Berita Harian. Akhbar ini merupakan penulisan Syukurriah Idrus (2023). Akhbar ini membincangkan tentang sektor pelancongan Malaysia yang dijangka akan terus meningkat dan berkembang dalam jangkaan menerima kunjungan daripada 15 juta pelancong antarabangsa pada tahun ini. Berikutan dengan itu, sektor pelancongan haruslah bersiap siaga dalam menghadapi sebarang cabaran seperti musibah banjir atau wabak penyakit yang tidak mustahil akan melanda.

Seterusnya ialah kajian lepas yang diambil daripada akhbar digital iaitu Sinar Harian yang bertajuk *Industri Pelancongan Malaysia Kembali Rancak*, yang ditulis oleh Engku Shariful Azni (2022). Akhbar ini adalah berkenaan sektor pelancongan di Malaysia yang kembali rancak setelah memasuki fasa peralihan endemik pada akhir tahun 2022. Berdasarkan data-data yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia pada tahun 2018 dan 2019, Malaysia kerap

dikunjungi oleh pelancong-pelancong dari negara-negara Timur Tengah dan ianya merupakan satu hal yang amat positif.

Kajian lepas yang diperolehi daripada akhbar digital ini merupakan hasil penulisan Alzahrin Alias (2022) yang berjudul *Sektor Pelancongan Berupaya Pulih Akhir 2023*. Hal ini adalah kerana kesan terhadap sektor pelancongan yang dihadapi oleh negara kita pada musim pandemik Covid-19 pada tahun 2019 sehinggalah tahun 2022. Bagi menangani permasalahan ini, industri pelancongan Malaysia telah mencuba banyak cara, termasuklah dengan mengadakan pelbagai tawaran menarik telah disediakan dalam pameran pelancongan, termasuklah pakej kepada pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa.

Sebuah buku yang ditulis oleh Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad (2012) berjudul *Perancangan dan Pembangunan Pelancongan (Edisi Kedua)* (UUM Press) membincangkan tentang aktiviti pelancongan yang berlaku di negara kita dan mengandungi sepuluh bab utama meliputi teori dan pendekatan. Menurut naskah ini, pelancongan membawa maksud satu industri yang berkembang dengan pesat dan maju selepas berlakunya Perang Dunia Kedua iaitu pada tahun 1941 sehingga 1945. Aktiviti pelancongan membawa banyak kebaikan kepada ekonomi negara, lebih-lebih lagi di Malaysia.

MALAYSIA

KELANTAN

2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Sastera Budaya

2.4.1 Tesis

Berikut merupakan kajian lepas mengenai teori Sastera Budaya yang diperolehi daripada tesis terdahulu:

Berdasarkan sebuah kajian berbentuk tesis yang merupakan hasil penulisan Muhammad Irfan Nyia (2013) di dalam kajiannya yang bertajuk *Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya* membincangkan berkenaan aspek budaya yang dapat diperolehi daripada puisi-puisi Muhammad Haji Saleh, menggunakan teori Sastera Budaya yang dipelopori oleh Matthew Arnold pada tahun 1860-an. Menurut kajian ini, Arnold memperlihatkan tentang gagasan penyatuan kebudayaan nasional di negara barat berkenaan ideologinya yang sangat dipengaruhi oleh kelas masyarakat borjuis untuk mengekalkan keharmonian budaya. Chris Weedon (2001) berpendapat bahawa perkembangan kajian Sastera Budaya adalah hasil daripada minat manusia terhadap hubungan antara budaya dan kuasa, seperti politik, sosial dan lain-lain. Hal ini diekspresikan dengan lebih lanjut melalui penulisan sastera pada ketika itu.

2.4.2 Artikel Jurnal

2.4.3 Buku / Majalah dan lain-lain

Berikut merupakan kajian lepas berkenaan Teori Sastera Budaya yang diperolehi daripada buku:

Pengkaji telah mentelaah sebuah naskah hasil penulisan Mana Sikana yang bertajuk Teori Sastera Kontemporari. Naskah ini juga merangkumi penggunaan teori Sastera Budaya yang telah diubah suai oleh Mana Sikana sendiri menjadikan ia sesuai digunakan oleh masyarakat Melayu di dalam dunia kesusasteraan tanah air. Teori Sastera Budaya atau dalam bahasa inggerisnya dipanggil cultural studies theory merupakan sebuah teori yang memperlihatkan hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan dunia luar, seperti sosial, politik, ekonomi, bahasa, agama dan lain-lain. Teori ini digunakan bagi melihat hubungan sastera dengan dimensi budaya dalam membentuk kehidupan di dalam sesebuah masyarakat. Teori ini membincangkan tentang konsep humanisme dan kehidupan manusia serta budaya yang sering berubah-ubah diiringi oleh perubahan zaman. Pembentukan teori Sastera Budaya ini adalah apabila kemajuan sastera pada tahun 1860-an telah memberi kesan dalam pembentukan budaya baru yang maju. Teori ini mempunyai prinsip dan kaedah yang harus digunakan dalam pengaplikasiannya terhadap sesebuah kajian. Secara amnya, teori Sastera Budaya adalah hampir sama dengan teori Pascamoden.

*Pengkaji telah menjalankan dan mencari kajian-kajian lepas yang dilakukan terhadap teori Sastera Budaya. Setakat ini, pengkaji hanya menjumpai satu kajian lepas


berbentuk tesis dan satu naskah yang ditulis berkaitan dengan teori Sastera Budaya. Ini membuktikan bahawa kurangnya kajian terhadap teori Sastera Budaya.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

2.5 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dilakukan di dalam bab dua ini ialah terdapat banyak pandangan dan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan keatas lagu rakyat dan juga pelancongan. Bab dua ini juga telah memberikan pengkaji pelbagai definisi berbeza tentang lagu rakyat dan juga pelancongan. Akan tetapi, kajian lepas berkaitan dengan teori Sastera Budaya amatlah sukar untuk diperolehi. Ini adalah kerana, kurangnya kajian yang telah dikaji terhadap penggunaan teori yang terpilih iaitu teori Sastera Budaya Mana Sikana.

BAB 3

Metodologi Kajian

3.1 Pengenalan

Metodologi ialah prosedur kajian yang digunakan untuk mendapatkan data kajian dan bahan-bahan ilmiah yang tepat tentang kajian yang dijalankan. Di dalam bidang akademik, metodologi adalah cara pendekatan yang halus dan sistematik untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah kompleks yang dihadapi sewaktu menjalankan kajian. Menurut Siti Sarah (2015) mengatakan bahawa metodologi kajian menghuraikan cara-cara sesuatu permasalahan dikaji dan sekaligus menerangkan bagaimana sesuatu kaedah dan teknik yang digunakan dapat membantu memahami dengan lebih terperinci tentang proses kajian. Selain dari itu, menurut Hornby (1985), metodologi kajian merupakan satu kaedah yang diguna pakai sewaktu menjalankan kajian. Hal ini adalah, di dalam sesebuah kajian tentulah mempunyai persoalan kajian dan permasalahan kajian yang dihadapi. Dengan adanya metodologi kajian, pengkaji dapat menjana bukti kukuh yang mampu merumuskan apa yang dikaji oleh pengkaji, sekaligus dapat menyokong kajian tersebut dengan data-data yang sah, yang mana diperolehi daripada hasil metodologi kajian.

Seterusnya, metodologi kajian juga membawa maksud sebuah sistem atau kaedah dan prinsip yang dijalankan dalam sesebuah kegiatan dan kajian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi kajian adalah merupakan sebuah teknik,

gaya, rentak, corak dan sistem yang diguna pakai sewaktu menjalankan kajian untuk mencapai tujuan kajian tersebut.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut pendapat Ang Kean Hua (2016), reka bentuk kajian merupakan sebuah prosedur yang dilakukan untuk menerangkan sesuatu data dan maklumat yang didapati melalui pelaksanaan kajian dengan lebih sistematik. Antara jenis reka bentuk kajian ialah seperti dokumentasi, kajian lapangan dan pemerhatian. Dalam penyelidikan ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah campuran (*mix method*) iaitu menggunakan kaedah deskriptif kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif ialah sebuah pengumpulan data berbentuk perkataan, ataupun ayat yang dapat diperolehi daripada mana-mana sumber bacaan. Manakala bagi kaedah kuantitatif pula ialah sebuah pengumpulan data berbentuk angka yang boleh dibilang, menggunakan teknik seperti soal selidik.

3.2.1 Dokumentasi

Berdasarkan penjelasan yang telah dilakukan oleh Hamni Fadlilah (2016), dokumentasi berasal daripada perkataan asalnya iaitu dokumen yang membawa maksud perkara-perkara bertulis. Berdasarkan kaedah metodologi dokumentasi ini, pengkaji memperoleh data melalui bahan bacaan bertulis seperti buku, majalan, dokumen, sejarah, catatan harian dan sebagainya. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi dokumentasi kerana pengkaji

memperolehi data rujukan ilmiah daripada analisis teks dan teori yang terkandung di dalam buku.

3.3 Pengumpulan Data

Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji bagi memurnikan kajian ini untuk memastikan kajian ini dilakukan dengan lebih sistematik dan memenuhi kehendak objektif kajian.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan (*library research*) merupakan salah satu kaedah yang amat penting dalam melakukan kajian ini, kerana pengkaji memperoleh maklumat dan data sahih berkenaan kajian ini melalui bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan yang bukan sahaja terhad kepada perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan, akan tetapi pengkaji turut memanfaatkan kemudahan yang tersedia pada zaman globalisasi kini iaitu pengkaji juga telah mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan melalui perpustakaan atas talian seperti di laman web e-Lib, dan E-Sentral Ebook. Melalui kaedah kepustakaan ini, pengkaji telah mencari bahan rujukan berkaitan tajuk kajian yang dipilih iaitu ‘Analisi Lagu-Lagu Rakyat Melayu Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan Menggunakan Teori Sastera Budaya’.

3.3.2 Analisis Dokumen

Dokumen merupakan salah satu daripada sumber dapatan data yang digunakan bagi melakukan kajian ini. Di dalam kaedah kualitatif, analisis dokumen merupakan sumber untuk memperolehi data kajian selain daripada pemerhatian dan temu bual. Analisis dokumen ialah analisis terhadap segala bahan-bahan bertulis sama ada secara visual mahupun fizikal yang sesuai untuk digunakan bagi menjalani kajian ini.

3.3.2.1. Teks

Bagi menjalani kajian ini, kajian teks yang telah difokuskan oleh pengkaji ialah merangkumi 26 buah lirik lagu rakyat Melayu yang terpilih berdasarkan negeri-negeri yang terdapat di dalam Malaysia.


No.	Tajuk Lagu Rakyat	Negeri
1	Tanjung Puteri	Johor
2	Zapin Ya Salam	Johor
3	Mai Cek Oi Mai	Kedah
4	Seloka Orang Kedah	Kedah
5	Wau Bulan	Kelantan
6	Ado Sekor Anak Tupa	Kelantan
7	Dondang Sayang	Melaka
8	Joget Kereta Lembu	Melaka
9	Ayam Den Lapeh	Negeri Sembilan
10	Kenek-Kenek Lah Udang	Negeri Sembilan
11	Anak Ayam Turun 10	Pahang
12	Indung-Indung	Pahang
13	Joget Wan Lebor	Perak
14	Durian Dah Berbunga	Perak
15	Ala Canggung	Perlis
16	Joget Si Pisang Emas	Perlis
17	Boria Pulau Pinang	Pulau Pinang
18	Boria Nasi Kandar	Pulau Pinang

19	Jambatan Tamparuli	Sabah
20	Gunung Kinabalu	Sabah
21	Puteri Santubong	Sarawak
22	Bapak Mek Datang	Sarawak
23	Can Mali Can	Selangor
24	Keroncong Selangor	Selangor
25	Ayun Buai Kokek	Terengganu
26	Ulek Mayang	Terengganu

(Jadual 3.1: Senarai Lagu-Lagu Rakyat dan Negeri Asalnya)

Sumber: Nurul Syuhada Binti Mohd Sharol

Berikut merupakan 26 buah lagu rakyat Melayu yang terpilih bagi menjalankan kajian ini. Lagu-lagu rakyat tersebut dipilih berdasarkan asal usul lagu tersebut daripada negeri-negeri yang terdapat di dalam Malaysia. Bagi setiap negeri, pengkaji telah memilih dua buah lagu rakyat yang berpotensi untuk dijadikan medium tarikan pelancongan.



(Rajah 3.1: Senarai lagu-lagu terpilih mengikut negeri)

Sumber: Nurul Syuhada binti Mohd Sharol

Bagi memahami lirik-lirik lagu rakyat terpilih, pengkaji perlu mendengar semula lagu-lagu tersebut untuk benar-benar memahami setiap bait-bait lirik yang digunakan di dalam lagu-lagu rakyat terpilih.

3.3.2.2. Artikel, Jurnal & Buku

Sepanjang kajian ini dijalankan oleh pengkaji, sumber analisis dokumen yang berbentuk artikel, jurnal dan buku telah diguna pakai kerana penggunaan sumber-sumber tersebut telah didapati amat berkesan dijadikan sebagai sumber rujukan. Pengkaji telah membuat pengumpulan data melalui artikel, jurnal dan buku yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Bagi mendapatkan maklumat yang sahih dengan lebih lanjut berkaitan lagu-lagu rakyat Melayu, pengkaji telah menelaah banyak kajian lepas berbentuk artikel jurnal yang mana membantu pengkaji memahami tentang lagu-lagu rakyat Melayu dengan lebih baik. Selain itu, pengkaji juga telah merujuk buku ‘Teori Sastera Kontemporari Edisi IV’ yang ditulis oleh Mana Sikana bagi memahami teori yang digunakan iaitu teori Sastera Budaya dengan lebih mendalam.



(Rajah 3.2: Buku Teori Sastera Kontemporari)

3.3.3 Soal Selidik

Seterusnya, bagi menjayakan kajian ini, kaedah kuantitatif juga telah digunakan. Kaedah ini bertujuan bagi membuat pemerhatian terhadap masyarakat akan pandangan mereka berkenaan kegunaan lagu-lagu rakyat Melayu untuk menjadi satu medium tarikan pelancongan. Kaedah ini menggunakan aplikasi *Google Form* sebagai satu medium soal selidik bagi mengumpul data yang diperolehi daripada responden. Soal selidik berbentuk *Google Form* ini akan diagihkan dikalangan pelajar di elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024 di Universiti Malaysia Kelantan yang berasal daripada seluruh negeri di Malaysia.

Pengkaji menggunakan kaedah pengiraan penentuan saiz sampel yang telah diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) seperti yang terdapat di dalam rajah berikut:

<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Note.—*N* is population size. *S* is sample size.
Source: Krejcie & Morgan, 1970

(Jadual 3.2: Perkiraan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970))

(Sumber: *Google*)

Berdasarkan rajah tersebut, pengkaji akan mengumpul data daripada 66 orang pelajar kerana jumlah keseluruhan bagi pelajar elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024 ialah sebanyak 80 orang.

3.4 Teori

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan teori terpilih iaitu teori Sastera Budaya gagasan Chris Baker (2000) yang kemudiannya diolah secara lebih mendalam berdasarkan budaya-budaya masyarakat di Malaysia oleh seorang sasterawan dan pengkritik tanah air, iaitu Abdul Rahman Hanafiah atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana. Teori sastera budaya ini merupakan teori yang dipengaruhi oleh teori pascamoden dan teori feminsime. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan bahawa teori ini merupakan sebuah teori yang sama kelompok dengan teori sosiologi, teori marxisme, teori feminisme dan teori pascamoden.

Menurut Alan Sinfield (1992), teori Sastera Budaya digunakan untuk menganalisis dengan lebih lanjut dan secara analitikal tentang budaya yang terdapat di dalam bentuk sastera, yang mana bagi kajian ini ialah yang terdapat di dalam bentuk teks iaitu lirik-lirik lagu rakyat Melayu. Teori Sastera Budaya digunakan bagi mengkaji dan menganalisis teks daripada pelbagai aspek termasuklah aspek politik. Akan tetapi, teori ini lebih menekankan kepada budaya, sosial dan sastera masyarakat pada masa kini. Teori ini juga sering mengalami perubahan seiring dengan perubahan zaman dan perubahan budaya-budaya yang wujud di dalam sesebuah masyarakat, lebih-lebih lagi di Malaysia.

Teori Sastera Budaya yang telah diolah oleh Mana Sikana mengandungi lima kaedah analisis teks, iaitu

1. mengkaji bagaimana wacana budaya beroperasi dalam mengungguli ideologi kekuasaannya.
2. Mengkaji individu dalam pembentukan individualiti dalam gerakan budayanya yang dihubungkan dengan pembentukan sosial yang mengarah kepada konsep kehebatannya.
3. Meneliti pergolakan pembudayaan, terutamanya di dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya.
4. Meneliti kekayaan, pelestarian dan petanda artifak.
5. Menganalisis realiti struktur ideologi budaya pascamoden dan pascakolonial termasuklah konsep hibridisme.

3.4.1 Kaedah Analisis


Berdasarkan penerangan dan penjelasan yang telah dilakukan oleh pengkaji berkenaan teori Sastera Budaya, dapat disimpulkan bahawa teori ini amat menekankan kepada fungsi karya dan hubungannya dengan khalayak pembaca. dalam menjalankan kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah pertama iaitu mengkaji bagaimana wacana budaya iaitu lagu-lagu rakyat Melayu terpilih beroperasi dalam membuka mata masyarakat dan pelancong berkenaan keberkesanan lagu-lagu rakyat Melayu tersebut dijadikan satu medium tarikan pelancongan.

Seterusnya, pengkaji juga mengaplikasikan kaedah ketiga iaitu meneliti pergolakan dan permasalahan yang berlaku terhadap perubahan pembudayaan, terutamanya di dalam aspek ekonomi sepertimana yang menjadi fokus kajian ini iaitu aktiviti pelancongan yang merupakan salah satu elemen ekonomi. Kaedah terakhir yang digunakan ialah kaedah keempat iaitu meneliti kekayaan,

pelestarian dan petanda lagu-lagu rakyat Melayu terpilih. Dengan adanya kaedah ini, pengkaji dapat mengukuhkan lagi pernyataan tentang kehebatan dan keunikan lagu-lagu rakyat Melayu, sehingga dapat dijadikan satu medium tarikan pelancongan di negara ini.



3.4.2 Kerangka Teori



3.5 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dibuat berkaitan bab tiga ialah reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi menjayakan kajian ini ialah kaedah deskriptif kualitatif dan juga kuantitatif iaitu melalui sesi soal selidik yang dijalankan melalui laman sesawang Google Form bagi mengumpul pendapat masyarakat berkenaan lagu-lagu rakyat Melayu sebagai satu medium tarikan pelancongan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan tiga kaedah di dalam teori Sastera Budaya bagi mengkaji dan mengupas lirik-lirik lagu rakyat Melayu terpilih iaitu sebanyak 26 lagu rakyat.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Analisis dan dapatan kajian di dalam bab empat merupakan satu bahagian yang memainkan peranan yang besar di dalam sesebuah kajian yang dilakukan. Hal ini adalah kerana, segala analisis berkenaan kajian, termasuklah semua dapatan yang diperolehi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini akan ditunjukkan di dalam bab empat ini. Analisis dan dapatan kajian secara amnya merupakan satu bahagian di mana pengkaji akan mengemukakan segala analisis yang dibuat berdasarkan kajian, sekaligus mengemukakan dapatan kajian yang sudah diperolehi oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian ini. Bab empat ini juga akan menjadi satu bahagian di mana analisis dan dapatan kajian yang dibincangkan berdasarkan tiga objektif kajian yang telah pengkaji kemukakan di dalam bab satu (1), iaitu;

1. Mengenal pasti lagu-lagu rakyat terpilih yang terdapat di Malaysia.
2. Menganalisis nilai pelancongan yang terdapat di dalam lirik lagu rakyat terpilih.
3. Menilai sejauh mana lirik lagu rakyat memberikan tarikan kepada pelancong.

Di dalam bab ini, pengkaji akan mempresentasikan dapatan kajian yang dibuat berdasarkan data-data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji menggunakan kaedah kualitatif, iaitu menerusi sumber bacaan ilmiah, kajian-kajian lepas dan juga kaedah soal selidik yang telah diajukan kepada 88 orang awam dari serata negeri di Malaysia. Bagi melengkapkan kajian ini, teori Sastera Budaya gagasan Abdul Rahman Hanafiah telah diaplikasikan di dalam proses menganalisis kajian ini. Teori tersebut digunakan adalah diambil daripada himpunan teori-teori sastera yang telah ditulis oleh Abdul Rahman Hanafiah atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana di dalam naskahnya yang bertajuk Teori Sastera Kontemporari.

Selain itu, pengkaji akan mengulaskan dengan lebih lanjut berkenaan lagu-lagu rakyat Melayu terpilih bagi menjalankan kajian ini, iaitu sebanyak 26 buah lagu rakyat Melayu. Lagu rakyat Melayu ialah lagu masyarakat Melayu yang lama yang berasal daripada sesebuah daerah di dalam Tanah Melayu (Nuraina Alia Mhd Hussin et al., 2023). Lagu-lagu rakyat tersebut adalah daripada kesemua negeri yang terdapat di dalam Malaysia, dan pengkaji memilih dua buah lagu daripada setiap 13 negeri. Lagu-lagu yang terpilih membawa makna dan nilai terhadap negeri asal usulnya itu. Di samping itu, di dalam bab empat ini juga pengkaji akan menerangkan nilai-nilai pelancongan yang dapat dikenalpasti terdapat di dalam lirik-lirik lagu rakyat terpilih berdasarkan kaedah pengaplikasian teori yang ketiga, iaitu meneliti pergolakan pembudayaan, terutamanya dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya.


4.2 Mengenal Pasti Lagu-Lagu Rakyat Terpilih Yang Terdapat Di Malaysia.

Kajian ini akan merangkumi 26 buah lagu rakyat Melayu yang berasal daripada 13 buah negeri di Malaysia (tidak termasuk wilayah persekutuan). Lagu-lagu rakyat terpilih sudah semestinya mempunyai nilai yang tinggi berkenaan setiap negeri. Sebagai contoh, terdapat beberapa lagu rakyat Melayu terpilih mengandungi nama-nama kampung yang unik dan menarik yang terdapat di sesebuah negeri itu. Selain daripada itu, lagu-lagu rakyat Melayu terpilih ini sudah semestinya akan menggunakan dialek atau loghat yang digunakan di dalam negeri tersebut. Sebagai contoh, lagu rakyat *Wau Bulan* menggunakan loghat yang dipertuturkan oleh masyarakat di Kelantan kerana ianya merupakan lagu rakyat di negeri Kelantan.

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah meneliti banyak lagu-lagu rakyat Melayu yang terdapat di kesemua negeri di dalam Malaysia. Pengkaji dapat merumuskan bahawa negara Malaysia mempunyai banyak lagu-lagu rakyat yang amat menarik. Lagu-lagu rakyat ini seharusnya diperlihara oleh masyarakat, terutamanya masyarakat muda zaman moden ini agar lagu-lagu rakyat ini tidak dilupakan dan ditelan dek zaman. Hal ini adalah kerana, lagu-lagu rakyat dapat menjadi satu identiti kepada sesebuah negara tersebut. Dengan adanya lagu-lagu rakyat di Malaysia ini, dapat dinilai bahawa rakyat Malaysia semuanya bersatu hati walaupun mempunyai bangsa, agama dan etnik yang berlainan. Lagu-lagu rakyat ini juga menjadi satu lambang dan imej kepada negeri-negeri bagi lagu tersebut, berdasarkan kandungan lirik-lirik lagu rakyat tersebut.

Walau bagaimana pun, di antara kesemua lagu-lagu rakyat Melayu menarik yang terdapat di Malaysia, pengkaji akan memperkecilkan lagi pilihan-pilihan lagu bagi menjalankan kajian ini. Oleh hal sedemikian, kajian ini menggunakan 26 sahaja lagu-lagu rakyat di Malaysia. 26 lagu terpilih ini akan diperhalusi secara lebih mendalam

oleh pengkaji di dalam bab empat ini. Setelah pengkaji meneliti lagu-lagu rakyat bagi setiap negeri, pengkaji percaya bahawa 26 buah lagu rakyat terpilih ini adalah pilihan terbaik untuk digunakan di dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana, 26 buah lagu rakyat terpilih ini membawa imej yang tepat kepada rakyat di negeri-negeri di Malaysia ini. Perkara ini dapat dinilai melalui bait-bait lirik yang terkandung di dalam setiap lagu-lagu rakyat terpilih.



(Rajah 4.1: Peta Malaysia dan lagu-lagu rakyat terpilih mengikut negeri)

Sumber: Nurul Syuhada Sharol (2023)

Sebagaimana yang dapat dilihat di dalam rajah 5, pengkaji telah menyenaraikan 2 buah lagu rakyat terpilih bagi setiap negeri, menjadikan jumlah keseluruhan lagu rakyat terpilih ialah sebanyak 26 buah lagu. Berikut merupakan senarai lagu-lagu rakyat terpilih di dalam bentuk jadual.

No.	Tajuk Lagu Rakyat	Negeri
1	Tanjung Puteri	Johor
2	Zapin Ya Salam	Johor
3	Mai Cek Oi Mai	Kedah
4	Seloka Orang Kedah	Kedah
5	Wau Bulan	Kelantan
6	Ado Sekor Anak Tupa	Kelantan
7	Dondang Sayang	Melaka
8	Joget Kereta Lembu	Melaka
9	Ayam Den Lapeh	Negeri Sembilan
10	Kenek-Kenek Lah Udang	Negeri Sembilan
11	Anak Ayam Turun 10	Pahang
12	Indung-Indung	Pahang
13	Joget Wan Lebor	Perak
14	Durian Dah Berbunga	Perak
15	Ala Canggung	Perlis
16	Joget Si Pisang Emas	Perlis
17	Boria Pulau Pinang	Pulau Pinang
18	Boria Nasi Kandar	Pulau Pinang
19	Jambatan Tamparuli	Sabah
20	Gunung Kinabalu	Sabah
21	Puteri Santubong	Sarawak
22	Bapak Mek Datang	Sarawak
23	Can Mali Can	Selangor

24	Keroncong Selangor	Selangor
25	Ayun Buai Kokek	Terengganu
26	Ulek Mayang	Terengganu

(Jadual 4.1: Senarai Lagu-Lagu Rakyat dan Negeri Asalnya)

4.2.1 Lirik Lagu Rakyat Melayu Terpilih

Lagu rakyat Melayu bukan sahaja menarik dari segi irama dan musiknya, akan tetapi lagu rakyat Melayu juga dikenali dengan lagu rakyat yang mempunyai lirik-lirik yang dapat menonjolkan imej kepada sesebuah kaum atau negara tersebut. Hal ini dikatakan kerana, melalui lagu rakyat, ianya dapat mencerminkan bagaimana sifat, perangai dan keadaan sesebuah masyarakat. Oleh hal yang demikian, pemilihan lagu rakyat Melayu untuk digunakan di dalam kajian ini haruslah dipilih dengan teliti, iaitu menerusi setiap bait-bait lirik. Hal ini adalah kerana, lagu-lagu rakyat Melayu terpilih ini akan dijadikan kajian terhadap kebolehannya dalam menarik minat pelancong untuk melancong ke negara Malaysia, dan negeri-negeri di dalamnya.

Bil.	Negeri	Tajuk	Lirik lagu
1.	Johor	Tanjung Puteri	Tajuk johor tanjung puteri Selat tebrau airnya biru Di pantai lido tepian mandi Sepanjang masa di hari minggu Atas bukit tanjung puteri Taman hiburan indah berseri Pemandangan menawan hati Jalan tambak hubungan negeri Tanjung sekijang nun di kuala Tempat nelayan mengail gelama Istana hinggap di kuala danga Pantai berkelah keluarga diraja Dari tebrau orang berakit

			<p>Singgah setulang membeli kopi Pusara si bongkok di lereng bukit Di tepi pantai tanjung puteri</p> <p>Tanjung sekijang nun di kuala Tempat nelayan mengail gelama Istana hinggap di kuala danga Pantai berkelah keluarga diraja</p> <p>Dari tebrau orang berakit Singgah setulang membeli kopi Pusara si bongkok di lereng bukit Di tepi pantai tanjung puteri</p>
2.	Johor	Zapin Ya Salam	<p>Dagang kemari zapin berkampung Bersatu adat terbilang seni Dagang kemari zapin berkampung Bersatu adat terbilang seni</p> <p>Alun madali gema senandung Sama sepakat membina janji Ya salam Ya salam Senandung ya salam</p> <p>Marwas rebana satuan diri Palu bersendi gambus sempurna Marwas rebana satuan diri Palu bersendi gambus sempurna</p> <p>Gegar bentala segenap negeri Santunkan budi molek bahasa Ya salam</p>

			<p>Ya salam Senandung ya salam</p> <p>Gerak sekata bertingkah adu Sembah dan sisip dua berbeda Gerak sekata bertingkah adu Sembah dan sisip dua berbeda Satukan pulau sama berlagu Gema gemersik menyusun nada Ya salam Ya salam Senandung ya salam</p> <p>Petiklah gambus taqasim lagu Tegap kekuda langkahnya sasa Petiklah gambus taqasim lagu Tegap kekuda langkahnya sasa Bukan bendalu kita teraju Berkorban raga tegaklah bangsa Ya salam Ya salam Senandung ya salam Bukan bendalu kita teraju Berkorban raga tegaklah bangsa Ya salam Ya salam Senandung ya salam</p>
3.	Kedah	Mai Cek Oi Mai	<p>Mai cek oi mai cek mai Kita ke negeqhi Kedah</p>

		<p>Mai oi bagi qhamai Jamu nasik kawah</p> <p>Naik kapai teqhebang Tuqhun kepala batayh Makan toksah bimbang Kami banyak beqhayh</p> <p>Ikut lebuqhaya Teqhuih ke Kayu Hitam Jaga cek oi jaga Qheta meneqhu-neqhang Qheta meneqhu-meneqhang</p> <p>Mengkala mai kedah Singgah lah ke Pekan Qhabu Minum nira nipah Makan emping keqhabu</p> <p>Kot lah qhasanya penat Jom pi ke langkawi Langgah ayaq gamat Minumlah ayaq tongkat ali Langgah ayaq gamat Muka naik seqhi</p> <p>Kedah sudahla maju Tak lagi macam lah dulu Ghumah seqheba baqhu Kenduri ada selalu Tengok sana sini Pembangunan seqhata negeqhi</p>
--	--	---

			<p>Ada mesin padi Ada kelang besi</p> <p>Melawak oqhang Kedah Jangan cepat teqhasa Toksah dok kesah Bekawan cepat meseqha</p> <p>Kot lah qhasanya penat Jom pi ke langkawi</p> <p>Langgah ayaq gamat Minumlah ayaq tongkat ali Langgah ayaq gamat Muka naik seqhi</p> <p>Kedah sudahla maju Tak lagi macam lah dulu Ghumah seqheba baqhu Kenduri ada selalu</p>
4.	Kedah	Seloka Orang Kedah	<p>Kalau depa nak mai Kedah Lebuh raya jalan mudah Bukit Kayu Hitam tempat penyudah Bebaih cukai boleh beli belah Cukup senang kalau nak mai Kedah</p> <p>Kampung di Kedah memang pelik nama Gajah Mati Langgaq Pokok Sena Jalan dah elok kalau nak pi sana Daghi Aloq Setaq lima minit saja Boleh jumpa Bukit Tembaga</p>

		<p>Kola Kete Kola Neghang Nama kola tapi laut hilang Gunung Jeghai Gunung Ghiang Ataih bukit boleh nampak bendang Hijau kuning luaih terbentang</p> <p>Padang Pusing Sungai Tiang Bukit Ghaya dalam pandang Kola Ghimau sudah terbilang Bukit Lada Kuboq Panjang Kalau nak mai boleh tanya oghang Sungai Petani Tikam Batu Tanjung Dawai lalu kut situ Pantai Merdeka aii nombor satu Boleh mandi bawak anak cucu Tak dan balik boleh tidoq tang tu</p> <p>Kota Sarang Semut Guar Chempedak Pekan Gurun makin segar Pekan Baling tapi boleh nampak Pekan Kulim kilang paling banyak Dah jadi bandaq asai dulu semak Ayaq Hangat Hulu Legong Buang penyakit gatai ghesdung Bukit Hijau masuk dalam kampung Ayaq teghejun bergulung-gulung Caghi tak jumpa boleh mintak tolong</p> <p>Pala Bataih pekan Jitegha Titi Gajah Kampung Naga Pulau Pisang Padang Segha Pantai Johor laut tak ada</p>
--	--	--

			<p>Ayaq Hitam Simpang Kola</p> <p>Pekan Kokdiang duk dengaq selalu</p> <p>Gua Ghebau Bukit Hantu</p> <p>Pekan Napo Wang Ulu</p> <p>Megat Dewa Lana Bulu</p> <p>Aloq Jangguih Kubang Pasu</p>
5.	Kelantan	Wau Bulan	<p>E wah e wah eh wau bule</p> <p>E wau bule teraju tigo</p> <p>E wah eh wah eh wau bule</p> <p>E wau bule teraju tigo</p> <p>Ini male samo-samo</p> <p>Samo-samo bersuko-ghio</p> <p>Ini male samo-samo</p> <p>Samo-samo bersuko-ghio</p> <p>Ewah ewah eh wau bule</p> <p>E wau bule teraju tigo</p> <p>Ewah ewah eh wau bule</p> <p>E wau bule teraju tigo</p> <p>Cahya bulan tempat perindu</p> <p>Pantai yang indah kayangan jiwa</p> <p>Kota idaman senyum selalu</p> <p>Taman serendah sekebun bunga...</p> <p>Ewah ewah e wau bule</p> <p>E wau bule teraju tigo</p> <p>Ewah ewah e wau bule</p> <p>E wau bule teraju tigo</p> <p>Ini male samo samo</p>

			<p>Samo samo bersuko ghio Ini male samo samo Samo samo bersuko ghio</p>
6.	Kelantan	Ado Seko Anak Tupai	<p>Ado sekor...anak tupai... Atas jula mokte... Kudung ekor..perut lapar... Jale cari make... Kejadie Tuhe..dipanggil namo tupai.. Asalnyo dale hute... Sejenis mamalia... Kalu pasal jakit kot dehe... Diolah yang paling panda... Jatuh jaghe-jaghe Kerano dio tok sobar... Panda-panda tupai melopat Jatuh tanoh jugok... Nok wi kabar..oghe jahat... Jange terlajak manggak... Ooo...oghe zaman dulu... Pakat hambat tupai... Bimbang ko woh kayu ... Takut tok de besar... Nyo,durian, duku... Kalu de nyo kerit tupai... Pendek tahun tu nyo durian tokde nok jual Ooo...sekat bedil ado... Tupai habih mati....</p>

			<p>Hok ni lah sayo raso...</p> <p>Kito sangat rugi...</p> <p>Kito manusia...</p> <p>Tinggi mano pon kito ngaji...</p> <p>Nok wak tupai sekor tentu skali nyo tok jadi</p> <p>Oooo...raso siye sungguh....</p> <p>Tengok sekor anak tupai..</p> <p>Krano terlajok kuruh...</p> <p>Sapa tokleh niti pagar...</p> <p>Bulu-bulu pon habis luruh...</p> <p>Air mato bera-bera...</p> <p>Maghi dale baruh bokali keno racun bakar</p>
7.	Melaka	Dondang Sayang	<p>Pergi menebang si kayu bakau</p> <p>Untuk bekalan pergi ke laut</p> <p>Pergi menebang si kayu bakau</p> <p>Sudah kurenang sembilan pulau</p> <p>Dondang sayang</p> <p>Barulah dapat lah dapat tempat berpaut</p> <p>Anak peladang pergi ke surau</p> <p>Memakai baju butangnya tiga</p> <p>Anak peladang pergi ke surau</p> <p>Ribut dan taufan tidak kuhirau</p> <p>Dondang sayang</p> <p>Pulau harapan harapan</p> <p>Kucita juga</p> <p>Ribut dan taufan tidak kuhirau</p>

			<p>Dondang sayang Pulau harapan harapan Kucita juga</p>
8.	Melaka	Joget Kereta Lembu	<p>Kereta lembu Dari Melaka Di tarik pula oleh Lembu perkasa</p> <p>Hah... kereta lembu Rodanya dua Jalannya tak laju Sejam sebatu</p> <p>Mari oh mari Kita naik beramai-ramai Pergi bertemasya Mandi safar di pantai</p> <p>Hah... itulah dia Pusaka datuk ku Pasti kan ku jaga Setiap waktu</p>
9.	Negeri Sembilan	Ayam Den Lapeh	<p>Luruihlah jalan payakumbuah Babelok jalan ka andaleh Dima hati indak kan rusuah Ayam den lapeh, ay ay Ayam den lapeh</p> <p>Mandaki jalan pandai sikek Manurun jalan ka palubuah Di ma hati indak ka maupek</p>

		<p>Awak takicuah, ay ay, Ayam den lapeh</p> <p>Siku capang siku capeh Saikua tabang sikua lapeh Lapehlah juo nan karimbo Ai lah malang juo</p> <p>Pagaruyuang Batusangka Tampek bajalan urang Baso Duduak tamanuang tiok sabanta Oi takana juo, Ay ay, ayam den lapeh</p> <p>Luruihlah jalan payakumbuah Babelok jalan ka andaleh Di ma hati indak ka rusuah Ayam den lapeh, ay ay, Ayam den lapeh Mandaki jalan pandaisikek Manurun jalan ka palubuah Di ma hati indak ka maupek Awak ta kicuah, Ay ay, ayam den lapeh</p> <p>Siku capang siku capeh Saikua tabang saikua lapeh Lapehlah juo nan karimbo Oy lah malang juo</p> <p>Pagaruyuang Batusangka Tampek bajalan urang Baso Duduak tamanuang tiok sabanta</p>
--	--	---

			<p>Oi takana juo, Ay ay, ayam den lapeh Ay ay, ayam den lapeh</p>
10.	Negeri Sembilan	Kenek-Kenek Lah Udang	<p>Kenek-kenek la ode Lembu patoh tanduk, ah Cik Mek kenalah gode Cik Awe kena tumbuk Uwa-uwa-uwa-uwa-uwa-uwa-u</p> <p>Kenek-kenek la ode Lembu patoh tanduk, ah Cik Mek kenalah gode Cik Awe kena tumbuk</p> <p>Gegak-gempita gendang dipalu Kerna menyambut pengantin baru Seri-seri cahaya, hai, naik ke muka Tak ubah la pinang, dibelahlah dua Seri-seri cahaya, hai, naik ke muka Tak ubah la pinang, dibelahlah dua</p> <p>Kenek-kenek la ode Lembu patoh tanduk, ah Cik Mek kenalah gode Cik Awe kena tumbuk Uwa-uwa-uwa-uwa-uwa-uwa-u</p> <p>Kenek-kenek la ode Lembu patoh tanduk, ah Cik Mek kenalah gode Cik Awe kena tumbuk</p>

			<p>Pengantin bersanding sambil menjeling Sudah menjeling tersenyum pula Indah-indahnya bukan, hai, lagi kepalang Hai, serba dibuat, hai, kena belaka Indah-indah bukan, hai, lagi kepalang Hai, serba dibuat, hai, kena belaka</p> <p>Kenek-kenek la ode Lembu patoh tanduk, ah Cik Mek kenalah gode Cik Awe kena tumbuk Uwa-uwa-uwa-uwa-uwa-u</p> <p>Kenek-kenek la ode Lembu patoh tanduk, ah Cik Mek kenalah gode Cik Awe kena tumbuk Uwa-uwa-uwa-uwa-uwa-u</p>
11.	Pahang	Anak Ayam Turun 10	<p>Anak lah ayam, Anak ayam turun sepuluh Mati seekor, mati seekor Tinggal sembilan</p> <p>Marilah adik, Mari adik kita belajar Supaya pandai Supaya pandai bila dah besar</p> <p>Anak lah ayam Anak ayam turun sembilan Mati seekor Mati seekor disambar helang</p>

			<p>Janganlah malas Jangan malas bila buat keje Emak memanggil Emak memanggil jawab dengan teratur</p> <p>Anak lah ayam Anak ayam turunlah lapan Mati seekor Mati seekor ditangkap musang</p> <p>Belajar pintar Belajar rajin setiap hari</p> <p>Janganlah malas Janganlah malas mengulang kaji</p> <p>Anaklah ayam Anak ayam turun lah tujuh Mati seekor Mati seekor tinggal lah enam</p> <p>Mari semua Adik adik kita gembira Gembira sambil belajar bersama Supaya berjaya</p>
12.	Pahang	Indung-Indung	<p>Indung indung Anak dagang pergilah merantau Membawa keris luk tujuh belas Besi dititik besi di tinting Diasap kemenyan tunggal Dibasuh air belimbing buluh</p>

			<p>Indung indung lagu indung Indung indung Bisanya keris tidaklah terkira Sebulan Sebulan dagang menggalas lalu Jejak di tikam mati juga</p> <p>Setitik Setitik darah jatuhlah ke laut Setahun ikan tidak bermain Indung indung lagu indung Indung indung</p> <p>Setitik Setitik darah jatuhlah ke darat Semusim padi tidaklah menjadi Indung indung lagu indung Indung indung</p>
13.	Perak	Joget Wan Lebor	<p>Singgah bermalam ghomah pak ude Makan nasik sayo keladi Bio pape aseil bergaye Aseikan senang di dalam hati</p> <p>Peram-peram pisang Pisang masak layu Jatuh dalam lubang Sambo bapak yu</p> <p>Umbut2 nyor belalang kedek2 Sape buat hingo Ghontu kene cubet</p>

			<p>Daghi lambor pegi ke bote Singgah bermalam ghomah wan lebo Hajat hati minang anak dare Dapatle jande ghambotnye gugor</p> <p>Peram2 pisang Pisang masak layu Jatuh dalam lubang Sambo bapak yu Umbut2 nyor belalang kedek2 Sape buat hingo Ghontu kene cubet</p> <p>Tojon daghi keghotak bote Dapat sebijik doyan dah mangko Disangkekan ayor dalam belake Jatuh terjombap di ateh pasyor</p> <p>Peram2 pisang Pisang masak layu Jatuh dalam lubang Sambo bapak yu Umbut2 nyor belalang kedek2 Sape buat hingo Ghontu kene cubet</p> <p>Daghi lambor pegi ke bote Singgah bermalam ghomah wan lebo Hajat hati minang anak dare Dapatle jande ghambotnye gugor</p>
--	--	--	---

14.	Perak	Durian Dah Berbunga	<p>Oh kome, deghoyan dah berbunge Moh kite minang anak dare Anak dare, anak dare kote Teman jumpe di Padang Tenggale</p> <p>Kate deme, sakit jatuh cinte Sakit lagi bile jatuh tangge Kate deme, cinte itu bute Nasib baik teman tak merabe-rabe</p> <p>Bile musim deghoyan Deme mule bengkenng Jangan silap sikit Nanti deme tengking</p> <p>Kalau musim deghoyan Ramey berani nampor Ape deme nak heran Saman boleh bayor</p> <p>Oh kome, dengoyan udah luroh Lebih baik cepat pegi suloh Lambat sikit kome dapat habuk Kalau tido jawabnye tinggey pokok</p> <p>Duit deghoyan, yang tue nak ke mekoh Yang mude gatey nak menikoh Musim deghoyan banyak sedare mare Bila nebas, seko tak nampak muke</p>
15.	Perlis	Ala Canggung	<p>Ala canggung makcik la makcik canggung Canggung canggung ala lei la lei...</p>

		<p>Nasi kunyit Sayang gulai lah yang ayam Tang mana lah ayam Dalam belanga lah ayam Hai sedapkah ayam Mari dimakan di batas lentang.</p> <p>Ala canggung makcik la makcik canggung Canggung canggung ala lei la lei... Songkok senget Sayang jalan lah yang malam Mengkala la malam Sat ni la malam Hai sungguh ka malam Hendak memikat si sanggul lentang</p> <p>Ala canggung makcik la makcik canggung Canggung canggung ala lei la lei... Kuala Tunggang dik oi di padang lah yang Siding Tang mana lah Siding Hai di sana la Siding Hai jauh ka siding Tempat lah orang julang penangin</p> <p>Ala canggung makcik la makcik canggung Canggung canggung ala lei la lei... Sanggul lentang dik oi bungalah sunti sapa dok sunti hai dia dok sunti hai betoi kah sunti Bagailah mana apa nak jadi</p>
--	--	---

			<p>Ala canggung mackik la mackik canggung Canggung canggung ala lei la lei... Bukit Chuping sayang gua lah berani Dimana berani disana berani Hai sungguh berani Tempat orang mengambil baja</p>
16.	Perlis	Joget Pisang Emas	<p>Pergi ke pantai menjala ikan Dapat seekor ikan gelama Baik-baik memilih intan Jangan terpilih batu delima</p> <p>Kain batik koyak melintang Tidak dapat dijahit lagi Bila lah adik merajuk panjang Tidaklah boleh dipujuk lagi</p> <p>Pergi ke pantai menjala ikan Dapat seekor ikan gelama Baik-baik memilih intan Jangan terpilih batu delima</p> <p>Kain batik koyak melintang Tidak dapat dijahit lagi Bila lah adik sayang merajuk panjang Tidaklah boleh dipujuk lagi</p>
17.	Pulau Pinang	Boria Pulau Pinang	<p>Lagu susun nyanyian dato zainal Suaranya merdu sungguh popular Begitu terkenal manis buah pala Kayu baru tongkat tok sheikh</p>

		<p>Lautannya biru hai pantainya bersih Ku terpaut oh budinya</p> <p>Lagu boria pulaulah pinang Iramanya sungguh menawan Ayunkan kaki buaikan tangan Budaya pulau mutiara Dendangan ini sudah terkenal Di seluruh negara kita</p> <p>Namanya diberi bibi fatimah Kerjanya membantu menjual laksa Orangnya peramah berbudi bahasa Anak mami ayu jelita Hatiku tertawan akan senyumannya Jangan lupa hang datang lagi</p> <p>Lagu boria pulaulah pinang Iramanya sungguh menawan Ayunkan kaki buaikan tangan Budaya pulau mutiara Dendangan ini sudah terkenal Di seluruh negara kita</p> <p>Di tanjung tokong nelayan bersampan Anak cina pergi mencari tiram Disini kedamaian hatiku tenteram Tapi awas masuk bendang Pandangannya luas saujana memandang Hai idaman perasaan</p> <p>Ku singgah sebentar di sungai ara</p>
--	--	---

			<p>Cik amah membeli si bunga kantan Di bukit bendera terjalin ikatan Negeri makmur mengkagumkan Mutiara timur empunya gelaran Mempesonakan yang menawan</p> <p>Lagu boria pulaulah pinang Iramanya sungguh menawan Ayunkan kaki buaikan tangan Budaya pulau mutiara</p>
18.	Pulau Pinang	Boria Nasi Kandar	<p>Hei nasi kandaq Pulau Pinang Kepala ikan kari lenang Hoi nasi kandaq Pulau Pinang Nak cari cukup senang Sambai nyoq dicampur Kacang bendi lembung Jangan makan berebut</p> <p>Hei nasi kandaq nombor satu Depa meniaga cukup laku Boleh minta udang Ada daging rendang Depa sikit tak bimbang</p> <p>Ooo... Nasi kandaq cukup spesial Depa niaga ada lesen Letak atas meja Makan cukup selera Melayu, Cina dan India Ooo... Nasi kandaq ikan bawal Kalau nak makan mai awai</p>

19.	Sabah	Jambatan Tamparuli	<p>Pak pak kang ku doh Sumunsui doh jambatan Jambatan doh Tamparuli Bakasut tinggi oku</p> <p>Sumunsui doh jambatan Jambatan doh Tamparuli Pak pak kang ku doh Bakasut tinggi oku</p> <p>Silaka nodi kasutku Naratu lo jambatan Tinggal poh doh sutakin Nowid ku di numuli</p> <p>Ontok di hari 3 Tamu lo Tamparuli Mingusuk poh hilo kadai Mogihum doh kasut tinggi</p>
20.	Sabah	Gunung Kinabalu	<p>Tinggi tinggi Gunung Kinabalu Tinggi lagi sayang sama kamu Biru biru hujung Kinabalu Tengok dari jauh Hati saya rindu</p> <p>Kinabalu dekat di Kundasang Banyak sayur boleh pilih pilih Apa guna pergi luar negeri Naik Kinabalu Hati saya rindu</p> <p>Sumandak sumandak pun ramai</p>

		<p>menunggu</p> <p>Menari-nari lenggang sumazau</p> <p>Sekali melihat melepak kulitnya</p> <p>Saya jatuh cinta</p> <p>Saya sayang sayang Kinabalu</p> <p>Kaamatan pesta bulan lima</p> <p>Sayang sayang kita pergi tamu</p> <p>Jalan Tamparuli</p> <p>Hati saya rindu</p> <p>Tinggi tinggi Gunung Kinabalu</p> <p>Tinggi lagi sayang sama kamu</p> <p>Biru biru hujung Kinabalu</p> <p>Tengok dari jauh</p> <p>Hati saya rindu</p> <p>Kinabalu dekat di Kundasang</p> <p>Banyak sayur boleh pilih pilih</p> <p>Apa guna pergi luar negeri</p> <p>Naik Kinabalu</p> <p>Hati saya rindu</p> <p>Sanak ragupun pun ramai menunggu</p> <p>Menari-nari lenggang sumazau</p> <p>Sekali melihat melepak kulitnya</p> <p>Saya jatuh cinta</p> <p>Saya sayang sayang Kinabalu</p> <p>Kaamatan pesta bulan lima</p> <p>Sayang sayang kita pergi tamu</p> <p>Jalan Tamparuli</p> <p>Hati saya rindu</p> <p>Sayang sayang kita pergi tamu</p>
--	--	--

			Jalan Tamparuli Hati saya rindu
21.	Sarawak	Puteri Santubong	<p>Oooo puteri sentubong sejinjang sayang kisah la zaman mensia maya Puteri Santubong, Puteri Sejinjang, Penjaga gunung negeri Sarawak, Manis sik ada dapat dilawan, Anak dak dewa turun kayangan.</p> <p>Ooo.. Santubong Puteri, Menenun kain... malam, Ooo.. Sejinjang Puteri, Menumbuk padi...siang. Satu hari nya duak kelayi, Beranak-anok sik renti-renti, Sorang madah dirik bagus agik, Sorang sik ngalah sampei ke mati,</p> <p>Yalah kisah duak 'rang puteri, Suka kelayi setiap hari, Lalu disumpah raja kayangan, Menjadi gunung negeri Sarawak. Oooo puteri sentubong sejinjang sayang kisah la zaman mensia maya</p> <p>Udah lejuk nya duak kelai lalu bertukuk nya duak puteri sejinjang mengayun alu ka pipi tebi sentubung sampei gituk ari tapi sentubong membalas juak lalu ditikam bantang belidak</p>

			<p>sampej terkena sejinjaug kepalak lalu bertabur jadi pulo kera kisah sentubong kisah sejinjaug asal berkawan jadi musohan kinek tok tinggal jadi kenangan pakei ingatan sepanjang zaman</p>
22.	Sarawak	Bapak Mek Datang	<p>Yeaayy...yeaayy...yeaayy.... Yeaayy...yeayyy...yeayyy... Oh rindoknyaaa...hati kamek... Dam da di dam..da didam da didam.. Dam dadi dam..da didam... Dam dadi dam... Bapak mek datang ngembak buah pisang Dimakan kamek sorang nun ditelok elang Bapaknya datang ngembak buah pisang Dimakan sorang-sorang nun ditelok elang Lalalala..sungguh loeknya dia Nisik ngembak kita makan bersama(2x) Embek-embek gambong menandok batang pisang Emak kamek rang kampung,bapak kamek rang datang</p>

			<p>Embek-embek gambong menandok batang pisang</p> <p>Emaknya rang kampung,bapaknya rang datang</p> <p>Lalalala..patut olah tingkahnya</p> <p>Nisik macam olah kita semua(2x)</p> <p>Air pasang medok,timbol palak bekut</p> <p>Hai datanglah pak aji ngembaklah tok janggut(2x)</p> <p>Jaga-jaga,kitak si bujang kerak,iboh dolak nak lanji dan berlagak</p> <p>Jaga-jaga kitak si bujang kerak,pisok tajam tok janggut ada bawak</p>
23.	Selangor	Can Mali Can	<p>Dimana dia anak kambing saya?</p> <p>Anak kambing saya yang makan daun talas</p> <p>Dimana dia buah hati saya?</p> <p>Buah hati saya bagai telur dikupas</p> <p>Chan mali chan, chan mali chan</p> <p>Chan mali chan, ketipung payung</p> <p>Di mana dia, anak kambing saya?</p>

			<p>Anak kambing saya main di tepi sawah Di mana dia, cinta hati saya? Cinta hati saya yang pakai baju merah</p> <p>Di mana dia anak kambing tuan? Anak kambing tuan di atas jambatan Yang mana dia si bunga pujaan? Si bunga tanjung dihujung dahan Kalau nak tahu anak kambing saya Anak kambing saya di dalam bilik</p> <p>Kalau nak tahu intan payung saya Intan payung saya yang kecil lah molek Di mana dia anak kambing tuan? Anak kambing tuan yang bulunya kuning Yang mana dia buah hati tuan? Buah hati tuan yang putih lah kuning</p>
24.	Selangor	Keroncong Selangor	<p>Anggunnya sang puteri Santunnya tak terperi Perkasa si putera Berpencak di persada Teduh anak negeri Diredup satu hati Berseru pada sukma</p>

			<p>Masyhurkanlah namanya</p> <p>Bermula langkah bangsa</p> <p>Dari zaman ke zaman</p> <p>Bicara lahir kata</p> <p>Mengatur perjuangan</p> <p>Dengan tulus merdeka</p> <p>Semangat yang membara</p> <p>Membina puncak kota</p> <p>Harapan kan bergema</p> <p>Suara</p> <p>Kita mara alam dewasa</p> <p>Menjulung tekad mulia</p> <p>Tegap kota teguh pertiwi</p> <p>Gemilang sentosa puri</p>
25.	Terengganu	Ayun Buai Kokek	<p>Ayong buai kokek, kokek ulu golok</p> <p>hok dia lokek, hok orang dia nok</p> <p>(Ulang 2x)</p> <p>Timang tinggi tinggi, tinggi pucuk celagi,</p> <p>bangung pagi-pagi, teruh pegi mengaji.</p> <p>Ayong buai kokek, kokek ulu golok</p>

			<p>hok dia lokek, hok orang dia nok (Ulang 2x)</p> <p>Timang tinggi-tinggi sampai cucur atap belum tumbuh gigi pandai baca kitab Ayong buai kokek, kokek ulu golok hok dia lokek, hok orang dia nok (Ulang 2x)</p> <p>Timang tinggi-tinggi sampai pucuk pinang bila pandai ngaji hidup jadi senang Ayong buai kokek, kokek ulu golok hok dia lokek, hok orang dia nok (Ulang 2x)</p> <p>Timang tinggi-tinggi, sampai pucuk sena bila besar nanti, jadi orang berguna Ayong buai kokek, kokek ulu golok hok dia lokek, hok orang dia nok</p>
26.	Terengganu	Ulek Mayang	<p>Umbok, Mayang diumbok Umbok dengan jala jemala Ulek</p>

			<p>Mayang diulek</p> <p>Ulek dengan puteri nya dua</p> <p>Puteri dua berbaju serong</p> <p>Puteri dua bersanggol sendeng</p> <p>Puteri dua bersubang gading</p> <p>Puteri dua berselendang kuning</p> <p>Umbok umbok dengan jala jemala</p> <p>Nak ulek mayang diulek</p> <p>Ulek dengan puterinya empat</p> <p>Puteri empat berbaju serong</p> <p>Puteri empat bersanggol sendeng</p> <p>Puteri empat bersubang gading</p> <p>Puteri empat berselendang kuning</p> <p>Umbok umbok dengan jala jemala</p> <p>Nak ulek mayang diulek</p> <p>Ulek dengan puterinya enam</p> <p>Puteri enam berbaju serong</p> <p>Puteri enam bersanggol sendeng</p> <p>Puteri enam bersubang gading</p> <p>Puteri enam berselendang kuning</p> <p>Umbok umbok dengan jala jemala</p> <p>Nak ulek mayang diulek</p>
--	--	--	--

			Ulek dengan puterinya tujuh Puteri tujuh berbaju serong Puteri tujuh bersanggol sendeng Puteri tujuh bersubang gading Puteri tujuh berselendang kuning
--	--	--	--

(Jadual 4.2: Lirik lagu rakyat Melayu terpilih berdasarkan setiap negeri)

(Sumber: Nurul Syuhada Sharol, 2023)

4.2.2 Sinopsis Lagu-Lagu Rakyat Terpilih

Setiap bait-bait lirik yang terkandung di dalam kesemua lagu rakyat yang tersenarai sudah semestinya mempunyai maksud yang berpotensi untuk dijadikan sebagai satu medium bagi menarik minat pelancong untuk melancong negeri-negeri yang terdapat di dalam Malaysia. Kajian ini adalah berpandukan kepada kebolehan atau potensi lagu-lagu rakyat Melayu sebagai satu medium tarikan pelancong ke Malaysia. Justeru itu, adalah amat penting bagi pengkaji untuk memilih lagu-lagu rakyat Melayu yang mempunyai lirik yang amat bermakna, sekaligus yang dapat membawa imej kepada negeri-negeri tersebut.

4.2.2.1 Lagu Rakyat Negeri Johor

Lirik lagu pertama iaitu lagu rakyat bagi negeri Johor yang bertajuk *Tanjung Puteri*, menceritakan tentang Johor secara keseluruhannya. Hal ini dapat di lihat berdasarkan tajuk lagu rakyat itu sendiri iaitu *Tanjung Puteri*. Lagu ini merupakan lagu gubahan Othman Hamzah yang diterbitkan pada tahun 2012. Beliau menamakan lagu yang menceritakan tentang keindahan Johor sebagai Tanjung Puteri adalah kerana pada tahun 1855, negeri Johor dikenali sebagai Tanjung Puteri, yang telah diperkenalkan oleh sultan negeri Johor pada ketika itu, iaitu Raja Temenggung Tun Daeng Ibrahim. Walau bagaimanapun, nama Tanjung Puteri itu hanya kekal selama tiga tahun sahaja, kerana tanah tersebut kemudiannya ditukar nama kepada Iskandar Puteri, juga oleh Raja Temenggung Tun Daeng Ibrahim. Setelah negeri Iskandar Puteri ditukar tampuk pemerintahannya kepada Sultan Abu Bakar, baginda

kemudiannya menukarkan nama negeri tersebut kepada negeri Johor bermula pada tahun 1866. Lagu ini berkisarkan tentang tempat-tempat menarik yang berada di negeri Johor, seperti Pantai Lido, Taman Hiburan Tanjung Puteri, Istana di Kuala Danga dan lain-lain lagi.

Lagu rakyat terpilih yang kedua bagi negeri Johor ialah lagu *Zapin Ya Salam*. Lagu ini menjadi imej kepada negeri Johor kerana Johor amat terkenal dengan tarian zapin. Zapin atau nama asalnya ‘zafn’ merupakan sebuah tarian pergerakan kaki yang cepat dan mengikut rentak lagu, adalah sebuah tarian tradisional bagi masyarakat Melayu di Johor sejak kedatangan pedagang Arab dari Yaman, Hadramant dan Timur Tengah yang berlabuh di jeti di tanah Johor pada abad ke-16. Pedagang-pedagang Arab ini membawa tarian Zapin ke Tanah Melayu. Tarian tersebut berjaya menarik minat masyarakat Melayu di negeri Johor lalu mereka mengubah sedikit tariannya yang sering dimainkan dengan lagu-lagu berunsurkan agama. Disebabkan oleh hal tersebut, lagu rakyat *Zapin Ya Salam* ini dimainkan sewaktu tarian Zapin dipersembahkan. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat di dalam lirik lagu ini ada menyebut beberapa peralatan musik yang digunakan sewaktu mempersembahkan tarian zapin ini, seperti peralatan musik rebana dan gambus.

4.2.2.2 Lagu Rakyat Negeri Kedah

Lagu rakyat terpilih yang pertama bagi negeri Kedah ialah lagu *Mai Cek Oi Mai*. Lirik lagu ini adalah ditulis oleh Pak Ku Shadat yang mengisarkan tentang penduduk di negeri Kedah. Lirik lagu ini ditulis menggunakan dialek atau loghat penduduk di Kedah. Sebagai contoh yang dapat dilihat ialah perkataan beqhaih, iaitu beras. Selain itu, terdapat juga perkataan lain seperti langgah ayat, yang membawa maksud minum air dengan gelojoh. Lagu ini juga banyak mempromosikan negeri Kedah, di mana terdapat lirik yang menceritakan tentang kemajuan negeri Kedah sekarang, iaitu,

*“Tengok sana sini
Pembangunan seqhata negeghi
Ada mesin padi
Ada kelang besi”*

Seterusnya, lagu rakyat kedua bagi negeri Kedah ialah *Seloka Orang Kedah* yang ditulis oleh Zainal Hitam atau lebih dikenali sebagai Paktam. Lagu ini adalah berkenaan nama-nama tempat di negeri Kedah, sebagai contoh Bukit Kayu Hitam, Alor Setar, Gajah Mati, Gunung Jerai, Bukit Raya, Kuala Rimau, Jitra dan banyak lagi. Lagu ini juga mengandungi bait-bait lirik yang menggunakan loghat percakapan penduduk di Kedah. Lagu ini dipilih adalah kerana liriknya yang unik dan juga menceritakan keindahan negeri Kedah yang amat dikenali oleh semua orang, iaitu sawah padi. Hal ini dapat dilihat di dalam rangkap ketiga lagu tersebut iaitu ‘hijau kuning luaih terbentang.’ Sebagaimana yang difahami oleh pengkaji, hijau kuning adalah menceritakan tentang sawah padi yang berwarna hijau kekuningan.

4.2.2.3 Lagu Rakyat Negeri Kelantan

Lagu rakyat terpilih bagi negeri Kelantan ialah lagu yang dikenali serata negeri Malaysia, iaitu lagu *Wau Bulan*. Lagu ini merupakan sebuah lagu yang ditulis oleh Seman Mamat. Lagu *Wau Bulan* sering digunakan bagi persembahan dikir barat. Simbolik yang dapat menonjolkan imej rakyat negeri Kelantan ialah wau bulan itu sendiri, dimana ianya merupakan salah sebuah khazanah tradisi negeri Kelantan, seiring dengan persembahan Mak Yong. Wau Bulan ini dibawa masuk ke tanah Melayu melalui negara Thailand oleh seorang putera dari negeri Pattani pada sekitar tahun 713-779 masihi, iaitu pada zaman Srivijaya. Putera Pattani tersebut bernama Putera Dewa Muda yang mula mencipta bentuk wau bulan tersebut dengan corak-corak padanya yang memberi maksud daerah-daerah di negara Thailand yang telah didominasi olehnya. Wau bulan sangat terkenal di negeri Kelantan, sehinggakan terdapat banyak acara pertandingan wau bulan yang dianjurkan setiap tahun. Oleh hal demikian, wau bulan telah menjadi sinonim kepada negeri Kelantan dan dapat menjadi satu daya tarikan pelancongan ke negeri ini.



(Rajah 4.2: Poster berkenaan acara wau bulan di Kelantan pada tahun 2022)

Lagu rakyat yang kedua terpilih bagi negeri Kelantan ialah bertajuk *Ado Seko Anok Tupa* yang merupakan sebuah lagu ciptaan Halim Yazid. Berdasarkan tajuk lagu ini, dapat dilihat bahawa lagu rakyat ini menggunakan loghat negeri Kelantan. Lagu ini merupakan sebuah lagu yang tidak asing lagi bagi masyarakat di Malaysia kerana walaupun ianya merupakan lagu rakyat negeri Kelantan, akan tetapi kerancakan nada lagu ini telah menarik minat kebanyakan masyarakat di Malaysia. Secara tidak langsung, ianya dapat membuka mata masyarakat akan keindahan loghat negeri Kelantan, dan juga dapat menyampaikan pesanan yang sarat terkandung di dalam lirik lagu ini kepada para pendengar. Lagu rakyat *Ado Seko Anok Tupa* ini mempunyai maksud yang amat mendalam jika didengar dengan teliti. Halim Yazid cuba menyampaikan dan menyemaikan keagungan dan keEsaan Allah SWT ke dalam diri pendengar iaitu di mana dapat di lihat di dalam lirik tersebut:

*“Kito manusia...
Tinggi mano pon kito ngaji...
Nok wak tupai sekor tentu skali nyo tok jadi”*

Berdasarkan lirik tersebut, dapat dilihat bahawa sehebat mana pun seseorang manusia itu, ianya akan tetap menjadi mustahil kepada manusia untuk mencipta seekor tupai yang sempurna seperimana Allah menciptanya. Oleh hal yang demikian, kita haruslah menghormati semua makhluk yang ada di bumi ini kerana semuanya merupakan makhluk ciptaan Allah SWT. Simbolik bagi negeri Kelantan yang terdapat di dalam lagu ini ialah berdasarkan genre lagu ini iaitu ianya merupakan

sebuah lagu dikir barat yang tidak asing lagi bagi masyarakat di negeri Kelantan.

4.2.2.4 Lagu Rakyat Negeri Melaka

Bagi lagu rakyat negeri Melaka yang terpilih ini, ianya ditulis oleh Madulara dan didendangkan oleh seorang Biduanita Negara iaitu Datuk Syarifah Aini. Lagu ini adalah bertajuk *Dondang Sayang*. Pada asalnya, lagu ini dibawa masuk ke Melaka oleh pedagang yang datang berdagang. Lalu, ianya berjaya menarik minat masyarakat di Melaka dan sehingga kini, lagu *Dondang Sayang* masih dimainkan oleh beberapa komuniti di Malaysia seperti Baba Nyonya, Melayu, Cheti dan Portugis. Bait-bait bagi lagu ini mengandungi puisi tradisional iaitu pantun yang menyebabkan ianya dikenali sebagai lagi belada cinta. Pada masa kini, lagu *Dondang Sayang* telah mempunyai banyak versi baharu dan ditambah baik liriknya sebagai satu lagu yang dinyanyi bagi menarik minat pelancong untuk datang melancong ke negeri Melaka. Lagu ini juga sudah diiktiraf oleh UNESCO sebagai satu warisan tidak ketara milik Malaysia.

Lagu rakyat kedua bagi negeri Melaka yang telah dipilih oleh pengkaji ialah lagu *Joget Kereta Lembu* yang ditulis oleh Che Simbuk.

Lagu ini mempunyai bait-bait lirik yang amat mudah dan ringkas, iaitu hanya mengandungi 4 rangkap sahaja. Walaupun begitu, lagu ini adalah sebuah lagu yang dikenali oleh penduduk di negeri Melaka. Lagu ini adalah berkenaan warisan yang dikekalkan oleh masyarakat negeri

Melaka iaitu penggunaan kereta lembu. Oleh hal demikian, kereta lembu merupakan satu simbolik kepada negeri Melaka.

4.2.2.5 Lagu Rakyat Negeri Sembilan

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan lagu-lagu rakyat. Hal ini adalah kerana, negeri ini juga adalah sebuah negeri yang mempunyai rakyat yang terdiri daripada 12 suku yang berbeza. Suku-suku yang terdapat di Negeri Sembilan ialah Tanah Datar, Batu Hampar, Seri Lemak (Solomak Minang), Anak Melaka, Mungkal, Payakumbuh, Seri Melenggang, Tigo Batu, Tigo Nenek, Anak Aceh, Batu Belang dan suku Biduanda. Negeri Sembilan mempunyai ramai penduduk yang merupakan orang-orang Sumatera dari Tanah Minangkabau. Oleh hal tersebut, walhal Malaysia dan Indonesia merupakan dua buah negara yang berbeza, namun masih berkongsi kaum yang sama. Perkara ini terlihat lebih jelas menerusi lagu rakyat *Ayam Den Lapeh* yang sebenarnya merupakan sebuah lagu yang menceritakan tentang budaya Minangkabau, termasuklah yang terdapat di Negeri Sembilan. Ayam merupakan sebuah haiwan yang amat berharga bagi suku Minangkabau. Oleh hal demikian, lagu *Ayam Den Lapeh* adalah berkenaan seseorang yang kehilangan sesuatu yang berharga. Simbolik bagi Negeri Sembilan yang dapat dilihat di dalam lagu ini ialah berkenaan budaya Minangkabau yang tidak ada di negeri lain di Malaysia.

Lagu rakyat kedua bagi Negeri Sembilan ialah lagu *Kenek-Kenek Lah Udang* yang dicipta oleh S. Sudarmaji. Lagu ini mengandungi bait-

bait lirik yang dinyanyikan di dalam loghat Negeri Sembilan. Lagu ini merupakan sebuah lagu rakyat yang sering didendangkan sewaktu ada majlis perkahwinan di Negeri Sembilan, sekaligus menunjukkan lagi kemeriahan malis perkahwinan yang disambut oleh masyarakat di negeri itu. Hal ini dapat dilihat melalui liriknya yang berkenaan pasangan pengantin baru iaitu:

*“Gegak-gempita gendang dipalu
Kerna menyambut pengantin baru
Seri-seri cahaya, hai, naik ke muka
Tak ubah la pinang, dibelahlah dua
Pengantin bersanding sambil menjeling
Sudah menjeling tersenyum pula
Indah-indahnya bukan, hai, lagi kepalang
Hai, serba dibuat, hai, kena belaka”*

4.2.2.6 Lagu Rakyat Negeri Pahang

Bagi negeri Pahang, lagu rakyat terpilih yang pertama ialah lagu *Anak Ayam Turun 10*. Lagu ini adalah sebuah lagu rakyat yang berbentuk pantun berulang yang juga sarat dengan pesanan yang disampaikan oleh masyarakat terdahulu kepada generasi sekarang. Di dalam lagu ini, simbolik yang dapat dikaitkan dengan negeri Pahang ialah kerana ianya dinyanyikan oleh masyarakat di negeri Pahang sambil ditemani alunan kompang. Lagu ini telah menarik minat masyarakat dek kerana pantun yang terkandung di dalamnya.

Seterusnya, lagu rakyat kedua bagi negeri Pahang ialah lagu yang bertajuk *Indung-Indung*, hasil ciptaan Aripin Said. Lagu ini dikatakan

berasal daripada daerah Kalimantan Timur, Indonesia yang pada dahulunya telah memasuki Tanah Melayu. Lagu ini menjadi simbolik bagi negeri Pahang kerana masyarakat di negeri Pahang sering mendendangkan lagu ini bersama alat muzik gambus. Masyarakat Kalimantan Timur di Indonesia juga mempunyai lagu *Indung-Indung*, tetapi liriknya adalah berbeza dengan lagu rakyat *Indung-Indung* yang terdapat di negeri Pahang. Lirik tersebut telah diubah mengikut dialek atau loghat masyarakat Pahang.

4.2.2.7 Lagu Rakyat Negeri Perak

Lagu rakyat bagi negeri Perak yang telah dipilih oleh pengkaji ialah *Joget Wan Lebor*. Lagu ini adalah sebuah lagu yang dicipta oleh Pak Ude. Lagu ini adalah sangat terkenal kerana ianya merupakan sebuah lagu rakyat tradisional masyarakat di Perak. Lagu ini juga didendangkan menggunakan loghat Perak Tengah seperti yang digunakan oleh penduduk di Kuala Kangsar, Sayong, Karai, Bota, Parit dan banyak lagi. Loghat ini adalah dikatakan loghat asli Perak lama. Simbolik yang terdapat di dalam lagu ini adalah menerusi loghat yang digunakannya. Loghat ini adalah amat menarik bagi mengenali sesebuah masyarakat.

Lagu rakyat negeri Perak kedua ialah bertajuk *Durian Dah Berbunga*. Lagu ini diperkenalkan kepada masyarakat oleh Mr Os atau nama sebenarnya Mohd Yusof bin Abdul Hamid. Lagu ini didendangkan menggunakan loghat negeri Perak yang menceritakan tentang

kemeriahan negeri Perak apabila tibanya musim durian. Lagu ini sememangnya berasal daripada negeri Perak, justeru ianya adalah sebuah lagu rakyat negeri Perak. Akan tetapi, irama muzik ini telah digunakan oleh tiga buah negara iaitu negara Sepanyol, yang bertajuk Rico Vacilon nyanyial Karl Zero. Manakala di negara China diberi tajuk Ja Tou Tong yang dinyanyikan oleh Tang Kee Chan dan Pauline Cheng. Negara Thailand juga mempunyai lagu yang berirama sama seperti irama *Durian Dah Berbunga*, ialah lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi Thailand bernama Vitamin A, yang bertajuk Mong Naan Naan.

4.2.2.8 Lagu Rakyat Negeri Perlis

Ala Canggung merupakan sebuah lagu rakyat bagi masyarakat di negeri Perlis. Lagu ini merupakan hasil ciptaan Hanafiah Yunus. Lagu ini dinyanyikan menggunakan loghat yang digunakan di negeri Perlis sepertimana yang dapat di lihat di dalam liriknya iaitu perkataan ‘sat’ yang bermaksud sekejap, ‘tang mana’ yang bermaksud di mana, dan banyak lagi. Lagu ini merupakan lagu rakyat negeri Perlis kerana ianya mempunyai simbolik bagi negeri itu yang dapat dilihat daripada bait-bait liriknya di mana ada disebut nama-nama tempat di Perlis, seperti Bukit Chuping dan Kuala Tumpang.

Lagu rakyat negeri Perlis seterusnya ialah lagu *Joget Pisang Emas* yang amat dikenali kerana ianya merupakan sebuah lagu yang dicipta oleh SM Salim. Lagu ini adalah sangat bermakna bagi masyarakat Melayu di Perlis kerana ianya mengandungi bait-bait lirik

yang berbentuk puisi tradisional Melayu iaitu pantun. Setiap rangkap bagi lagu *Joget Pisang Emas* ini adalah terdiri daripada pantun, sebagaimana yang dapat di lihat berikut:

*“Pergi ke pantai menjala ikan
Dapat seekor ikan gelama
Baik-baik memilih intan
Jangan terpilih batu delima”*

4.2.2.9 Lagu Rakyat Negeri Pulau Pinang

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan irama muziknya yang tersendiri iaitu boria. Oleh itu, bagi lagu rakyat negeri Pulau Pinang, pengkaji telah memilih kedua-dua buah lagu rakyat yang berbentuk boria. Yang pertama ialah sebuah lagu yang dicipta oleh Hail Amir, bertajuk *Boria Pulau Pinang*. Lagu ini dipilih kerana mempunyai simbolik yang amat jelas berkenaan negeri Pulau Pinang menerusi bait-bait lirik yang terkandung di dalam boria ini yang begitu jelas menceritakan tentang kehidupan masyarakat di Pulau Pinang. Dapat dilihat contoh yang terdapat di dalam lirik tersebut ialah tentang Pulau Pinang yang merupakan ‘rumah’ kepada banyak bangsa, bukan sahaja bangsa Melayu malah ada juga bangsa India dan Cina. Hal ini dapat dilihat daripada lirik ‘Anak mami ayu jelita’, dan ‘Anak cina pergi mencari tiram’. Melalui lirik ini, dapat disimpulkan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri yang aman dan sentosa walaupun penduduknya berbilang kaum.

Boria kedua yang dipilih oleh pengkaji sebagai satu lagu rakyat di negeri Pulau Pinang ialah *Boria Nasi Kandar* yang ditulis oleh M. Shariff. Lagu ini adalah berkisarkan tentang makanan yang amat terkenal di negeri Pulau Pinang iaitu Nasi Kandar. Melalui lagu ini, dapat disimpulkan bahawa nasi kandar itu sendiri merupakan satu simbolik kepada Pulau Pinang dan ianya dapat menarik minat pelancong untuk ke negeri tersebut bagi merasakan nasi kandar original.

4.2.2.10 Lagu Rakyat Negeri Sabah

Lagu rakyat bagi negeri Sabah yang pertama ialah lagu *Jambatan Tamparuli*. Lagu ini dipercayai ditulis oleh Justin Lusah, seorang penulis lirik di Sabah. *Jambatan Tamparuli* merupakan sebuah lagu rakyat di negeri Sabah yang menggunakan bahasa Kadazan Dusun dan sangat terkenal di kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. Lagu ini menceritakan tentang Jambatan Tamparuli yang menjadi satu simbolik kepada negeri Sabah kerana ianya merupakan sebuah jambatan yang mempunyai keunikannya yang tersendiri dengan kepanjangan jambatan tersebut mencapai 200 meter.

Seterusnya lagu rakyat negeri Sabah yang dipilih oleh pengkaji ialah sebuah lagu yang amat terkenal di seluruh negara Malaysia, iaitu lagu *Gunung Kinabalu*. Lagu ini merupakan satu lagu rakyat negeri Sabah dan sekaligus mempunyai banyak simbolik berkenaan negeri

Sabah. Hal ini dapat dilihat di dalam lirik-lirik lagu ini iaitu berkenaan Gunung Kinabalu itu sendiri, termasuklah tentang budaya masyarakat di Sabah seperti budaya wanita di Sabah atau dipanggil sebagai ‘sumandak’ yang gemar menari tarian sumazau. Lagu ini secara keseluruhannya banyak menceritakan tentang negeri Sabah yang sangat menarik.

4.2.2.11 Lagu Rakyat Negeri Sarawak

Bagi negeri Sarawak yang mempunyai pelbagai lagu rakyat dek kerana bilangan kaum yang terdapat di negeri Sarawak, pengkaji amatlah rambang mata untuk memilih dua sahaja lagu rakyat negeri itu. Lagu rakyat terpilih yang pertama ialah sebuah lagu yang tidak asing lagi kerana cerita rakyatnya amat terkenal, iaitu lagu *Puteri Santubong*. Lagu ini mengisahkan tentang dua orang puteri yang dipercayai menjaga gunung di negeri Sarawak, bernama Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Kedua-dua orang puteri ini sering berkelahi dan bertengkar dan tidak mahu mengalah. Lagu *Puteri Santubong* ini menjadi simbolik bagi negeri Sarawak kerana dua orang puteri kayangan ini adalah menjadi satu imej bagi negeri Sarawak.

Lagu rakyat negeri Sarawak yang kedua ialah *Bapak Mek Datang* yang ditulis oleh Ajeeb Sape. Lagu ini adalah sebuah lagu rakyat di negeri Sarawak yang bertujuan untuk menegur masyarakat supaya tidak bersifat kedekut sebagaimana watak yang terdapat di dalam lagu ini. Lagu ini menggunakan dialek Sarawak sepenuhnya. Pengkaji mendapati bahawa adalah amat sulit untuk mengulaskan lagu ini secara lebih lanjut

dan mendalam kerana penggunaan dialek Sarawak adalah amat sulit untuk difahami oleh pengkaji. Namun, pengkaji telah mendapatkan bantuan daripada beberapa orang teman yang berasal dari Sarawak dalam sama-sama membantu mentafsirkan lagu ini. Oleh itu, antara perkataan-perkataan yang terdapat di dalam lirik lagu ini ialah ‘ngembak’ yang bermaksud membawa, dan ‘olah’ iaitu perangai. Melalui lagu ini, pengkaji percaya bahawa ianya dapat memberi gambaran kepada masyarakat di luar negeri Sarawak bahawa dialek yang digunakan oleh masyarakat di negeri Sarawak adalah amat unik dan menarik.

4.2.2.12 Lagu Rakyat Negeri Selangor

Lagu rakyat negeri Selangor adalah agak sulit untuk dijumpai kerana ianya tidak mempunyai apa-apa dialek di dalam lagu sepertimana lagu rakyat bagi negeri-negeri lain yang mengandungi perbezaan dialek yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji. Jadi, bagi memudahkan lagi kajian ini, pengkaji telah memilih dua buah lagu yang dikatakan ialah lagu rakyat Selangor. Lagu rakyat Selangor yang pertama ialah lagu *Can Mali Can*. Lagu ini merupakan lagu rakyat yang amat popular bukan sahaja di Malaysia, malah juga di negara-negara jiran iaitu Singapura dan Indonesia. Lagu ini dikatakan berasal daripada pantun Melayu yang lahir di tanah Melayu yang kini telah menjadi hak bersama masyarakat negara-negara Tanah Melayu, termasuklah Malaysia, Singapura dan Indonesia. Di negara Indonesia, lagu *Can Mali Can* dikenali sebagai lagu ‘Anak Kambing Saya’ yang dipopularkan oleh Saridjah Niung. Terdapat

banyak pendapat berkenaan lagu *Can Mali Can* ini, antaranya ialah, perkataan Mali tersebut dikatakan sebenarnya ialah perkataan ‘mari’ tetapi disebut oleh anak berbangsa Cina di Tanah Melayu pada ketika itu. Lagu ini sendiri dapat menunjukkan sifat persatuan hati rakyat di Tanah Melayu dan di Malaysia pada zaman kini. Lagu ini mengandungi imej yang masyarakat di Malaysia iaitu dengan bait-bait lirik lagu yang berbentuk pantun. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat masih menggunakan pantun walhal ianya ialah sebuah bentuk puisi tradisional.

Lagu rakyat negeri Selangor kedua yang terpilih pula ialah bertajuk *Keroncong Selangor*. Lagu ini adalah berkisarkan tentang masyarakat di Selangor yang bersama-sama bersatu hati dalam memperjuangkan nama negeri Selangor. Ini dapat dilihat melalui bait-bait lirik di dalam lagu ini.

*“Diredup satu hati
Berseru pada sukma
Masyhurkanlah namanya
Bermula langkah bangsa
Dari zaman ke zaman”*

4.2.2.13 Lagu Rakyat Negeri Terengganu

Bagi lagu rakyat negeri Terengganu pula, pengkaji mendapati bahawa terdapat terlalu banyak lagu rakyat bagi masyarakat di negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, pengkaji telah memilih dua buah lagu yang berjaya membawa imej masyarakat negeri Terengganu dari

banyak aspek. Lagu rakyat yang pertama terpilih ialah bertajuk ‘*Ayun Buai Kokek*’. Berdasarkan tajuk lagu tersebut, jelaslah bahawa ianya mengandungi bait-bait lirik lagu yang menggunakan dialek negeri Terengganu, secara lebih tepatnya ialah dialek masyarakat di daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Dungun, dan Kemaman. Bagi masyarakat negeri Terengganu yang bertempat di Setiu dan Besut, mereka lebih cenderung menggunakan dialek negeri Kelantan. Manakala bagi daerah Kuala Berang yang terletak di Hulu Terengganu pula, dialek yang digunakan oleh mereka kedengaran agak berbeza dan seakan-akan dialek masyarakat di negeri Pahang. Lagu *Ayun Buai Kokek* ini adalah berupa pesanan kepada masyarakat di dalam bentuk lagu. Sebagai contoh yang dapat dilihat di dalam lirik lagu tersebut;

*“Timang tinggi-tinggi, sampai pucuk sena
bila besar nanti, jadi orang berguna
Ayong buai kokek, kokek ulu golok
Hok dia lokek, hok orang dia nok”*

Berdasarkan bait-bait lirik lagu di atas, dapat dilihat pesanan yang terkandung iaitu ‘bila besar nanti, jadi orang berguna’. Selain itu, terselit juga sebuah teguran di dalam sindirian iaitu ‘hok dia lokek, hok orang dia nok’. Lirik tersebut membawa maksud, hak milik sendiri amat kedekut, tetapi sentiasa mahukan hak milik orang lain.

Lagu kedua bagi lagu rakyat negeri Terengganu yang dipilih oleh pengkaji ialah amat tidak asing lagi bagi masyarakat bukan sahaja di Terengganu, malah di seluruh Malaysia. Hal ini adalah kerana, lagu ‘*Ulek Mayang*’ merupakan lagu yang amat terkenal yang sering

didengarkan di serata tempat sebagai sebuah persembahan. Lagu *Ulek Mayang* juga sering kali dipersembahkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai satu cara untuk menyambut kedatangan pelancong luar negara yang datang melancong ke Malaysia.



(Rajah 4.3: Persembahan Ulek Mayang)

Lagu *Ulek Mayang* adalah sebuah lagu yang menceritakan tentang cerita rakyat di negeri Terengganu, iaitu berkenaan tujuh orang puteri bunian yang telah diseru untuk memulangkan semula roh seorang nelayan yang tidak sedarkan diri. (Nurul Ain binti Hassan & Muammar Ghadafi Hanafiah, 2020) Lagu ini sepenuhnya menggunakan dialek masyarakat di negeri Terengganu, sebagai contoh perkataan ulek yang membawa maksud menyeru, dan perkataan umbok yang bermaksud memujuk-mujuk. Penceritaan daripada lagu *Ulek Mayang* ini adalah amat menarik dan misteri kerana mengandungi unsur mistik dan seram. Oleh hal demikian, pengkaji memilih lagu ini untuk membawa imej negeri Terengganu dalam menarik minat pelancong untuk datang melancong ke negeri Terengganu.

4.3 Menganalisis Nilai Pelancongan Yang Terdapat Di Dalam Lirik Lagu Rakyat Melayu Terpilih Menggunakan Teori Sastera Budaya Gagasan Mana Sikana.

Bagi memurnikan analisis berkenaan kajian lagu-lagu rakyat Melayu sebagai satu medium pelancongan ke Malaysia menggunakan teori terpilih iaitu teori Sastera Budaya olahan Mana Sikana, pengkaji haruslah menganalisis setiap lagu-lagu rakyat terpilih dengan lebih mendalam bagi mencari nilai-nilai pelancongan berdasarkan teori Sastera Budaya, yang terdapat di dalam lirik-lirik lagu tersebut. Teori Sastera Budaya merupakan sebuah teori yang tepat bagi menjalankan kajian berkenaan sastera, budaya dan nilai-nilai pelancongan. Hal ini adalah kerana, teori ini mengandungi beberapa kaedah analisis yang amat penting dan sesuai untuk digunakan bagi menganalisis teks-teks sastera berkenaan budaya.

Terdapat lima kaedah analisis teks yang ditekankan di dalam teori Sastera Budaya gagasan Chris Baker yang telah diolah dengan lebih mendalam berdasarkan budaya masyarakat Melayu oleh Mana Sikana. Lima kaedah analisis teks tersebut ialah:

1. Mengkaji bagaimana wacana budaya beroperasi dalam mengungguli ideologi kekuasaannya.
2. Mengkaji individu dalam pembentukan individualiti dalam gerakan budayanya yang dihubungkan dengan pembentukan sosial yang mengarah kepada konsep kehebatannya.
3. Meneliti pergolakan pembudayaan, terutamanya dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya.
4. Meneliti kekayaan, pelestarian dan petanda artifak.

5. Menganalisis realiti struktur ideologi budaya pascamoden dan pascakolonial termasuklah konsep hibridisme.

Teori ini bukan sahaja digunakan bagi mengkaji dan menganalisis teks daripada aspek-aspek dan sudut-sudut politik dan ekonomi, akan tetapi, ianya digunakan untuk menganalisis secara lebih menjurus kepada budaya, sosial, justeru menggunakan konsep kekuasaan dan peranan manusia dalam dalam mencari diri sendiri iaitu *self-identity* dan *reflexivity-self* menggunakan sastera moden iaitu sastera pascamoden (Kellner Douglas, 1995). Teori ini amatlah mementingkan penggunaan karya dan hubungannya dengan masyarakat. Secara amnya, teori ini mempunyai kegunaan yang sama sebagaimana teori Historisme Baru atau di dalam bahasa inggerisnya ialah *New-Historisisme theory*.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memeneliti kelima-lima kaedah yang ada di dalam teori Sastera Budaya. Pemerhatian pengkaji mendapati bahawa tidak kesemua kaedah yang ada boleh digunakan di dalam melengkapkan kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih untuk mengaplikasikan kaedah ketiga yang terdapat di dalam teori Sastera budaya ini, iaitu dengan meneliti pergolakan pembudayaan, terutamanya dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Hal ini adalah kerana, menggunakan kaedah ketiga, pengkaji dapat menghubungkan topik kajian iaitu berkenaan lagu-lagu rakyat Melayu, menggunakan kaedah analisis teori Sastera Budaya, dalam meneliti berdasarkan aspek pendidikan, ekonomi mahupun sosial.

4.3.1 Aspek Pendidikan

Pendidikan atau kata dasarnya ialah 'didik' membawa maksud sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran ilmu yang disampaikan daripada satu pihak ke pihak yang lain. Proses pengajaran dan pembelajaran ini tidak hanya tertumpu kepada sesuatu kepakaran yang khusus sahaja, malah ianya merangkumi kesemua perkara yang mampu memberikan ilmu baru kepada seseorang individu. Pendidikan secara ringkasnya merupakan satu proses dimana sesebuah pengetahuan, pertimbangan, kemahiran, kebijaksanaan disampaikan bagi menambah ilmu pengetahuan. Pendidikan juga sering terjadi di bawah bimbingan pendidik yang baik dan berilmu. Akan tetapi, proses pendidikan juga boleh berlaku secara tidak langsung, iaitu mendidik diri sendiri melalui persekitaran formal menggunakan cara seseorang itu berfikir, merasakan dan juga bertindak. Metodologi pengajaran secara sendiri ini dipanggil sebagai pedagogi.

Kesemua 26 buah lagu rakyat terpilih mengandungi nilai yang diteliti dari aspek pendidikan. Sebagai contoh yang dapat dilihat ialah di dalam lagu rakyat negeri Johor iaitu *Tanjung Puteri*, aspek pendidikan yang dapat diambil kira ialah pada bait-bait lirik lagu ini yang dapat memberi ilmu pengetahuan kepada pendengar berkenaan tempat-tempat menarik yang terdapat di negeri Johor. Daripada lagu ini juga pengkaji dapat menimba ilmu baharu berkenaan negeri Johor iaitu terdapat sebuah istana hinggap yang dimiliki oleh kerabat diraja Johor yang bertempat di Kuala Danga.

Contoh lain bagi aspek pendidikan yang terdapat di dalam lirik lagu ialah menerusi lirik lagu rakyat negeri Kedah iaitu *Seloka Orang Kedah*. Menerusi lagu ini, pendengar yang kurang berpengetahuan tentang negeri Kedah dapat menimba ilmu baharu berkenaan tempat-tempat yang ada di negeri Kedah, seperti Kepala Batas, Bukit Tembaga dan lain-lain lagi. Selain itu, lagu rakyat negeri Kelantan iaitu lagu *Ado Seko Anak Tupa* mengandungi aspek pendidikan yang tinggi kerana isi kandungan liriknya adalah sangat mendalam dari segi pengajaran yang diselitkan di dalam lagu itu. Sebagaimana yang telah dijelaskan secara mendalam menerusi sinopsis yang telah diulas oleh pengkaji berkenaan maksud lagu rakyat *Ado Seko Anak Tupa*, jelaslah bahawa lagu tersebut mengandungi aspek pendidikan yang berkisarkan kepada ketuhanan. Dapat dibuat kesimpulan bahawa kesemua lagu-lagu rakyat Melayu terpilih mempunyai aspek pendidikan, secara langsung iaitu jelas, mahupun secara tidak langsung.

4.3.2 Aspek Ekonomi

Ekonomi merupakan sebuah perkataan yang berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud kawasan pengeluaran, agihan dan juga perdagangan. Secara amnya, ekonomi membawa maksud aktiviti sosial yang menekankan kepada aktiviti pengeluaran, penggunaan dan pengurusan sumber perniagaan bagi memberi dari segi pendapatan kepada sesebuah negara dan masyarakat. Ekonomi sering dikaitkan dengan aktiviti urus niaga yang berlaku apabila dua

pihak bersetuju dengan nilai dan harga sesuatu barang, yang kebiasaannya dibayar menggunakan mata wang.

Dari segi aspek ekonomi yang merupakan salah satu aspek yang terkandung di dalam kaedah penggunaan teori Sastera Budaya, ianya menekankan kepada kandungan teks yang dikaji, justeru dapat dikaitkan dengan ekonomi negara. Maka, di dalam kajian ini, aspek ekonomi dicari menggunakan kajian teks dari lirik-lirik lagu rakyat Melayu terpilih iaitu sebanyak 26 buah lagu. Tidak dinafikan bahawa menerusi lagu-lagu rakyat Melayu tersebut boleh dijumpai aspek berkaitan ekonomi. Namun, ianya tidaklah sejelas aspek pendidikan yang terdapat di dalam lagu-lagu rakyat tersebut.

Bagi menghubungkan lirik-lirik lagu rakyat Melayu terpilih dengan aspek ekonomi yang terdapat di dalam teori Sastera Budaya, pengkaji berpendapat bahawa lagu-lagu yang terpilih itu mempunyai potensi untuk digunakan sebagai satu medium tarikan pelancongan ke negeri-negeri yang terdapat di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi negara, sekaligus menaikkan nama negara Malaysia ke persada dunia. Justeru itu, adalah diyakini oleh pengkaji bahawa lagu-lagu rakyat ini mengandungi aspek ekonomi sebagaimana yang dinyatakan di dalam kaedah penggunaan teori Sastera Budaya, yang boleh mendatangkan kebaikan kepada negara.

4.3.3 Aspek Sosial

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, sosial didefinisikan kepada semua perkara yang mempunyai hubung kait dengan masyarakat, seperti kemasyarakatan, perihal sesebuah masyarakat, kedudukan sektor ekonomi masyarakat, pemimpin kepada masyarakat, demokrasi masyarakat, pembangunan masyarakat dan lain-lain yang berperihalkan masyarakat. Sosial juga boleh membawa maksud sesuatu watak peribadi yang mempunyai sifat suka bergaul dan beramah mesra dengan masyarakat, mempunyai sikap suka akan persahabatan dan suka melakukan aktiviti secara keramaian dengan masyarakat.

Oleh hal yang demikian, aspek sosial yang dimaksudkan di dalam kaedah penggunaan teori Sastera Budaya ini boleh membawa maksud kepada unsur-unsur yang berkaitan dengan aspek sosial di dalam lirik-lirik lagu rakyat terpilih. Sebagai contoh, berdasarkan lirik-lirik lagu rakyat tersebut, dapat membuat penilaian bahawa rakyat Malaysia merupakan sebuah masyarakat yang mempunyai sifat sosial yang tinggi. Hal ini membuktikan lagi bahawa rakyat Malaysia adalah amat mesra dan ramah. Perkara ini dapat dibuktikan lagi sekiranya meneliti lagu-lagu rakyat terpilih dengan lebih mendalam. Sebagai contoh, di dalam lirik lagu rakyat *Gunung Kinabalu*, aspek sosial yang ditonjolkan ialah bagaimana masyarakat di negeri Sabah sedaya upaya cuba untuk menarik minat pelancong untuk datang melancong ke negeri Sabah, dan menonjolkan sifat sosial masyarakat di Sabah berdasarkan bait-bait lirik lagu tersebut, antaranya ialah sebagaimana lirik di bawah:

*“Sumandak-sumandak pun ramai menunggu,
menari-nari lenggang Sumazau”*

Secara kesimpulannya ialah, lagu-lagu rakyat terpilih mengandungi aspek sosial yang mencerminkan masyarakat di negara ini.

4.4 Menilai Sejauh Mana Lirik Lagu Memberikan Tarikan Kepada Pelancong

Bagi melengkapi objektif ketiga di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan aplikasi *Google Form* sebagai satu medium soal selidik. Penggunaan aplikasi *Google Form* ini adalah untuk mengumpul data yang diperolehi daripada masyarakat yang dijadikan responden. Pengumpulan data tersebut adalah berkenaan untuk menilai sejauh manakah lirik-lirik lagu rakyat terpilih, iaitu sebanyak 26 lagu itu mampu memberikan tarikan kepada pelancong, iaitu masyarakat. Oleh hal demikian, kumpulan responden yang diagihkan soalnya adalah tidak terhad kepada siapa-siapa dan terbuka kepada sesiapa sahaja untuk menjadi responden. Pengkaji juga telah berjaya mengumpulkan responden sebanyak 74 orang yang merangkumi dari pelbagai golongan berdasarkan umur, jantina dan tempat asal usul.

Soal selidik yang telah dijalankan bagi melengkapi kajian yang dibuat berdasarkan objektif ketiga di dalam kajian ini telah dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan juga C. Bahagian A ialah pengumpulan data demografi

responden yang merangkumi jantina, umur dan negeri kelahiran responden. Pengkaji haruslah mengutip data berkenaan negeri kelahiran setiap responden kerana ianya amat penting untuk mengetahui masyarakat negeri manakah yang mempunyai pengetahuan berkenaan lagu-lagu rakyat negeri mereka sendiri. Selain itu, di bahagian B pula ialah berkenaan pengetahuan am rakyat di negara ini berkenaan lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia. Soalan-soalan yang dikemukakan pada bahagian B adalah berbentuk umum. Manakala pada bahagian C, iaitu kandungan lirik lagu rakyat, mengandungi soalan-soalan yang memerlukan pendapat responden berkenaan lirik-lirik yang terkandung di dalam lagu-lagu rakyat yang telah dikemukakan di dalam soal selidik tersebut.

4.4.1 Bahagian A (Data Demografi Responden)

Jadual di bawah menunjukkan analisis keseluruhan berkenaan latar belakang responden secara peratusan berdasarkan bahagian A iaitu data demografi.

Jadual 4.3: Latar Belakang Responden


(%)	Kategori	Bilangan (Responden)	Peratusan
JANTINA	PEREMPUAN	38	52.8
	LELAKI	34	47.2
UMUR	18 – 20	3	4.1
	21 – 30	36	48.6
	31 – 40	8	10.8
	41 KE ATAS	27	36.5
NEGERI KELAHIRAN	JOHOR	1	1.4
	KEDAH	5	6.8
	KELANTAN	9	12.2
	MELAKA	3	4.1
	NEGERI SEMBILAN	0	0
	PAHANG	2	2.7
	PERAK	7	9.5
	PERLIS	0	0
	PULAU PINANG	0	0
	SABAH	0	0
SARAWAK	2	2.7	
SELANGOR	1	1.4	
TERENGGANU	44	59.5	
W. PERSEKUTUAN	0	0	

4.4.1.1 Analisis Jantina Responden

Jadual 4.4: Jantina Responden

Bil.	Jantina	Bilangan Responden	Peratusan (%)
1.	Perempuan	38	52.8
2.	Lelaki	34	47.2
	Jumlah	72	100

JANTINA / GENDER
74 responses



(Rajah 4.4: Jantina Responden)

Kajian ini pada asalnya hanyalah memerlukan sebanyak 66 responden bagi memenuhi kriteria Penentuan Saiz Sampel yang telah dibuat oleh Krejcie dan Morgan (1970). Akan tetapi, soal selidik ini telah menerima responden sebanyak 74 orang, yang melibatkan 39 orang responden perempuan (52.7%), dan juga sebanyak 35 orang responden lelaki (47.3%). Menerusi dapatan ini, dapat dilihat bahawa jantina wanita

melebihi jantina lelaki sebanyak empat orang. Jarak perbezaan jumlah jantina adalah tidak begitu ketara, dan hampir seimbang.


4.4.1.2 Analisis Umur Responden

Jadual 4.5: Umur Responden

Bil.	Umur	Bilangan Responden	Peratusan (%)
1.	18-20 Tahun	3	4.1
2.	21-30 Tahun	36	48.6
3.	31-40 Tahun	8	10.8
4.	41 Tahun ke atas	27	36.5
	Jumlah	74	100

UMUR / AGE

74 responses



(Rajah 4.5: Umur Responden)

Berdasarkan carta pai yang terdapat di atas menunjukkan jumlah responden mengikut umur, bermula daripada umur 18 tahun sehinggalah

umur 41 tahun ke atas. Carta pai ini telah mempamerkan bahawa golongan umur yang paling banyak menjawab soal selidik ini adalah dari kalangan mereka yang berumur 21 sehingga 30 tahun iaitu sebanyak 36 orang, bersamaan dengan 48.6%.

4.4.1.3 Analisis Negeri Kelahiran Responden


Jadual 4.6: Negeri Kelahiran Responden

Bil.	Negeri	Bilangan Responden	Peratusan (%)
1.	Johor	1	1.4
2.	Kedah	5	6.8
3.	Kelantan	9	12.2
4.	Melaka	3	4.1
5.	Negeri sembilan	0	0
6.	Pahang	2	2.7
7.	Perak	7	9.5
8.	Perlis	0	0
9.	Pulau pinang	0	0
10.	Sabah	0	0
11.	Sarawak	2	2.7
12.	Selangor	1	1.4
13.	Terengganu	44	59.5
14.	Wilayah Persekutuan	0	0
	JUMLAH	74	100

NEGERI KELAHIRAN / STATE OF BIRTH

 Copy

74 responses



(Rajah 4.6: Negeri Kelahiran Responden)

Jadual dan rajah di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah berasal daripada negeri Terengganu, iaitu sebanyak 44 orang responden dan telah mendominasi carta pai tersebut dengan peratusan sebanyak 59.5%.


4.4.2 Bahagian B (Pengetahuan Am Lagu Rakyat)

Bahagian B pada soal selidik merupakan bahagian di mana soalan-soalan am berkenaan lagu-lagu rakyat ditanya kepada responden. Pengkaji telah menyediakan lapan soalan di dalam soal selidik bahagian B ini.

4.4.2.1 Analisis Pengetahuan Responden Berkenaan Lagu Rakyat

Jadual 4.7: Pengetahuan Tentang Lagu Rakyat

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden	Peratusan (%)
1.	Ya	71	95.9
2.	Tidak	3	4.1
	JUMLAH	74	100




(Rajah 4.7: Pengetahuan Tentang Lagu Rakyat)

Berdasarkan carta pai di atas, pengkaji mendapati bahawa hampir kesemua responden tahu tentang lagu rakyat. Akan tetapi, terdapat tiga orang yang tidak tahu tentang lagu rakyat, yang menjadikan peratusan responden yang tahu tentang lagu rakyat ialah sebanyak 95.9%,

manakala responden yang tidak mempunyai pengetahuan tentang lagu rakyat ialah sebanyak 4.1%.


4.4.2.2 Analisis Minat Responden Terhadap Lagu Rakyat



(Rajah 4.8: Minat Responden Terhadap Lagu Rakyat)

Berdasarkan rajah di atas, pengkaji mendapati bahawa seramai 18 orang sangat menunjukkan minat terhadap lagu rakyat. Manakala jawapan yang paling banyak dipilih oleh responden ialah agak berminat, iaitu sebanyak 46 orang. Pengkaji juga telah mendapat jawapan lain daripada responden iaitu seramai lapan (8) orang responden kurang berminat terhadap lagu-lagu rakyat di Malaysia. Berdasarkan soal selidik ini, jelaslah bahawa masih ada segelintir daripada kalangan masyarakat yang sudah kurang berminat terhadap lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia. Walau bagaimanapun, masih ramai yang mempunyai dan menunjukkan minat terhadap warisan peninggalan daripada masyarakat terdahulu.

4.4.2.3 Analisis Pengetahuan Responden Tentang Lagu Rakyat Negeri




(Rajah 4.9: Pengetahuan Responden Tentang Lagu Rakyat Negeri Sendiri)

Rajah 4.9 menunjukkan bilangan responden yang mempunyai pengetahuan dan tidak mempunyai pengetahuan tentang lagu-lagu rakyat yang terdapat di negeri kelahiran mereka. Dapat di lihat pada rajah di atas, sebanyak 65 orang responden tahu lagu-lagu rakyat negeri kelahiran mereka, yang menjadikan kadar peratusan ialah sebanyak 88.9%. Kadar peratusan selebihnya iaitu sebanyak 11.1% itu ialah mereka yang tidak mempunyai pengetahuan apakah lagu-lagu rakyat yang terdapat di negeri kelahiran masing-masing. 11.1% itu adalah bilangan kepada lapan (8) orang responden.

4.4.2.4 Analisis Jumlah Lagu Rakyat Yang Diketahui Oleh Responden

Jadual 4.10: Jumlah Lagu Rakyat Yang Diketahui Oleh Responden

Bil.	Pilihan Jawapan	Bilangan Responden	Peratusan (%)
1.	0	0	0
2.	1-5 Buah Lagu	54	72.2
3.	6-10 Buah Lagu	14	19.4
4.	11 Lagu Ke Atas	6	8.3
JUMLAH		74	100




(Rajah 4.10: Jumlah Lagu Rakyat Yang Diketahui Oleh Responden)

Menerusi rajah dan jadual yang terdapat di atas, pengkaji mendapati bahawa setiap responden sekurang-kurangnya tahu satu atau lebih lagu rakyat di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana jawapan '0' yang disediakan tidak dipilih oleh mana-mana responden. Dapat dilihat seramai 54 orang responden tahu sekurang-kurangnya 1 sehingga 5 buah lagu rakyat Malaysia yang menjadikan kadar peratusan

ialah sebanyak 73%. Diikuti dengan responden yang tahu 6 sehingga 10 buah lagu rakyat, iaitu seramai 14 orang, bersamaan 18.9%.

4.4.2.5 Analisis Lagu Rakyat Terengganu




(Rajah 4.11: Soalan Lagu Rakyat Negeri Terengganu)

Soalan pada rajah 4.11 ialah berkenaan pengetahuan responden tentang lagu rakyat bagi negeri Terengganu. Lagu rakyat negeri Terengganu yang terdapat di antara pilihan jawapan yang terdapat pada soalan di atas ialah lagu ‘*Ayun Buai Kokek*’, dan seramai 61 orang responden berjaya menjawab soalan tersebut dengan tepat, menjadikan jumlah peratus jawapan yang tepat ialah sebanyak 82.4%, diikuti dengan jawapan lagu ‘*Wau Bulan*’ yang merupakan lagu rakyat negeri Kelantan yang memperolehi sebanyak 6 orang responden (8.1%). Lagu ‘*Mai Cek Oi Mai*’ merupakan lagu rakyat negeri Kedah, dan mempunyai responden sebanyak 1 orang, bersamaan dengan 1.4%. Lagu ‘*Joget Wan Lebor*’ yang merupakan lagu rakyat negeri Perak mendapat jawapan

sebanyak seorang (1) sahaja bersamaan 1.4% juga. Dan pilihan jawapan terakhir merupakan lagu rakyat negeri Johor iaitu ‘*Zapin Ya Salam*’ yang memperolehi responden sebanyak 5 orang iaitu 6.8%. Dapat dirumuskan bahawa lebih daripada separuh responden berjaya menjawab soalan tersebut dengan tepat.

4.4.2.6 Analisis Lagu Rakyat Boria




(Rajah 4.12: Soalan Lagu Rakyat Boria)

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, lagu rakyat berbentuk boria merupakan lagu rakyat yang berasal dari negeri Pulau Pinang, sebagaimana kedua-dua buah lagu rakyat Pulau Pinang yang terpilih dalam kajian ini iaitu ‘*Boria Pulau Pinang*’ dan ‘*Boria Nasi Kandar*’. Seramai 61 orang responden menjawab soalan di atas dengan tepat, iaitu kadar peratusan adalah sebanyak 82.4%. Jawapan kedua tertinggi yang dipilih oleh responden ialah negeri Johor iaitu seramai 9 orang (12.2%), diikuti dengan negeri Sabah yang memperolehi responden seramai 3

orang (4.1%), dan negeri Perak iaitu seramai satu (1) orang, bersamaan dengan 1.4%.


4.4.2.7 Analisis Lagu Rakyat Melaka



(Rajah 4.13: Soalan Lagu Rakyat Melaka)

Berdasarkan rajah 4.13 di atas, soalan yang diajukan ialah berkenaan lagu rakyat negeri Melaka. Terdapat satu jawapan yang tepat iaitu *Joget Kereta Lembu* ialah lagu rakyat bagi negeri Melaka. Seramai 50 orang responden berjaya menjawab dengan betul, bersamaan dengan 67.6%. Sebanyak 14 orang responden (18.9%) menjawab lagu ‘*Ala Canggung*’ sebagai lagu rakyat negeri Melaka, walhal lagu tersebut adalah lagu rakyat negeri Perlis. Begitu juga dengan lagu rakyat *Zapin Ya Salam* yang merupakan lagu rakyat negeri Johor, menerima responden sebanyak 8 orang (10.6%). Yang terakhir ialah lagu rakyat negeri Terengganu iaitu lagu ‘*Ulek Mayang*’ telah menerima undian daripada responden sebagai lagu rakyat negeri Melaka seramai 2 orang (2.7%)

4.4.2.8 Analisis Lagu Rakyat *Puteri Santubong*




(Rajah 4.14: Lagu Rakyat *Puteri Santubong*)

Rajah 4.14 di atas menunjukkan soalan yang disediakan oleh pengkaji di dalam soal selidik, iaitu berkenaan negeri asal bagi lagu rakyat '*Puteri Santubong*'. Sebagaimana yang sudah diketahui oleh ramai orang, *Puteri Santubong* merupakan seorang puteri penjaga gunung di negeri Sarawak. Oleh itu, jawapan yang tepat bagi soalan di atas ialah negeri Sarawak, di mana seramai 62 orang responden bersamaan 83.8% berjaya menjawab dengan tepat. Manakala, 12 orang responden yang lain memilih jawapan yang salah iaitu dari negeri Sabah, Negeri Sembilan dan juga negeri Kelantan. Hal ini menunjukkan bahawa ramai yang mempunyai pengetahuan terhadap lagu rakyat di negeri Sarawak.

4.4.3 Bahagian C (Kandungan Lirik Lagu Rakyat)

Pada bahagian C, pengkaji telah mengajukan dan memberikan soalan kepada para responden sebanyak empat (4) soalan sahaja. Salah satu daripada soalan tersebut adalah berkisarkan dengan kandungan lirik lagu rakyat terpilih. Soalan tersebut diajukan disertakan dengan bait-bait lirik lagu rakyat tersebut.

4.4.3.1 Analisis Unsur Warisan Dalam Lagu Rakyat




(Rajah 4.15: Unsur Warisan Dalam Lagu Rakyat)

Sebagaimana yang dapat di lihat pada rajah 4.15 di atas, pengkaji telah mengajukan soalan berkenaan lagu rakyat yang diketahui oleh responden memiliki satu unsur warisan di dalamnya. Seramai 69 orang responden, bersamaan dengan 93.2% menjawab ‘Ya’, dan bersetuju bahawa lagu rakyat yang mereka ketahui memiliki sekurang-kurangnya satu unsur warisan yang terkandung di dalamnya. Selebihnya ialah seramai 5 orang responden yang bersamaan dengan kadar peratusan

sebanyak 6.8% menjawab 'Tidak'. Hal ini boleh dikatakan demikian kerana kebarangkalian lagu rakyat yang responden tahu tidak mempunyai apa-apa unsur warisan di dalamnya.

4.4.3.2 Analisis Perasaan Responden Terhadap Lagu Rakyat



(Rajah 4.16: Perasaan Responden Terhadap Lagu Rakyat)

Berdasarkan rajah yang tertera di atas, iaitu rajah 4.16, pengkaji menanyakan soalan terbuka kepada responden iaitu adakah para responden mempunyai rasa menghargai negeri kelahiran apabila mendengar lagu-lagu rakyat. Jawapan yang diperolehi daripada kesemua 74 orang responden ialah berbentuk positif iaitu 'Ya', yang menjadikan kadar peratusan jawapan sebanyak 100%. Pengkaji dapat merumuskan bahawa dengan mendengar lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia, dapat juga menimbulkan rasa sayang akan negeri sendiri, sekaligus kepada negara dan dapat memupuk semangat patriotik.

4.4.3.3 Analisis Lagu Rakyat Negeri Kedah




(Rajah 4.17: Analisis Lagu Rakyat Negeri Kedah)

Soalan yang di ajukan di atas adalah berdasarkan serangkap lagu rakyat negeri Kedah yang bertajuk 'Mai Cek Oi Mai'. Lirik yang dipilih ialah seperti berikut:

*"Mai cek oi mai cek mai
Kita ke negeri Kedah
Mai oi bagi ramai
Jamu nasik kawah.
Mengkala mai kedah
Singgah lah ke Pekan Rabu
Minum nira nipah
Makan emping kerabu"*

Berdasarkan lirik tersebut, pengkaji mengajukan soalan kepada responden tentang minat para responden untuk mengunjungi negeri Kedah setelah mendengar lagu dan membaca lirik tersebut. Jawapan yang diperolehi daripada soalan ini ialah sangat positif iaitu kesemua responden iaitu seramai 74 orang (100%) memilih jawapan 'Ya'. Ini adalah satu perkara yang baik dan haruslah dikekalkan di dalam jiwa masyarakat.

4.4.3.4 Analisis Kebolehan Lagu Rakyat Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan Ke Malaysia



(Rajah 4.18: Analisis Kebolehan Lagu Rakyat Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan Ke Malaysia)

Rajah di atas menunjukkan analisis yang telah dikumpul berdasarkan soalan terakhir yang diajukan oleh pengkaji di dalam soal selidik. Soalan ini adalah soalan terbuka yang menjadi soalan rumusan terhadap kajian ini. Seramai 3 orang responden memilih jawapan ‘sangat tidak setuju’ bahawa lagu rakyat mampu digunakan sebagai satu medium tarikan pelancongan. Selain itu, seramai 4 orang responden memilih jawapan ‘mungkin’. Jawapan terpilih yang mendominasi ialah ‘setuju’ yang menerima responden seramai 37 orang. Selebihnya ialah 30 orang responden yang memilih jawapan ‘sangat setuju’. Walaupun soalan ini meraih jawapan yang agak negatif iaitu ‘sangat tidak setuju’, tetapi keseluruhan jawapan yang mempunyai ramai responden adalah berbentuk positif.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, menerusi bab empat ini dapat dirumuskan bahawa kajian yang dijalankan berkenaan kebolehan lagu-lagu rakyat di Malaysia sebagai satu medium tarikan pelancongan telah mendapat sambutan yang positif dan baik daripada para responden bagi menyempurnakan objektif ketiga di dalam kajian ini. Hal ini dibuktikan lagi dengan penerimaan responden sebanyak 74 orang yang telah sama-sama membantu mengkaji dalam menyempurnakan bab ini. Menerusi bab ini juga dapat dilihat bahawa lagu-lagu rakyat yang terpilih mempunyai aspek-aspek yang tertentu berdasarkan teori terpilih iaitu teori Sastera Budaya gagasan Chris Baker yang kemudiannya diolah dengan lebih mendalam berdasarkan budaya rakyat di Malaysia oleh Mana Sikana. Di dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan dengan lebih jelas dan mendalam berkenaan perkaitan antara lagu-lagu rakyat terpilih dengan aspek-aspek yang digunakan iaitu aspek pendidikan, aspek ekonomi dan aspek sosial, yang dikaitkan bagi mengkaji kebolehan untuk dijadikan sebagai satu medium tarikan pelancongan.

BAB 5

Rumusan

5.1 Pendahuluan

Bab 5 ini merupakan bab yang terakhir di dalam kajian yang dilakukan dan merupakan rumusan atau penutup bagi keseluruhan kajian. Menerusi bab ini, pengkaji akan merumuskan dan menyimpulkan secara menyeluruh berkenaan kajian yang dikaji oleh pengkaji iaitu Analisis Lagu-Lagu Rakyat Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan Menggunakan Teori Sastera Budaya. Secara lebih jelasnya, kajian yang dijalankan adalah berkenaan kebolehan lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia iaitu sebanyak 26 buah lagu terpilih dalam menjadi satu medium tarikan bagi menarik minat pelancong untuk melancong ke Malaysia dan negeri-negeri di dalam Malaysia menggunakan teori Sastera Budaya yang digagaskan oleh Chris Baker yang diolah oleh Mana Sikana.

Menerusi bahagian ini juga, pengkaji akan menerangkan rumusan yang dibuat bagi setiap bab iaitu bab 1 sehingga bab 4 dengan lebih terperinci agar dalam melihat secara lebih mendalam berkenaan motif pengkaji menjalankan kajian ini.

Selain itu, di dalam bab terakhir ini pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang boleh diambil dan dipertimbangkan oleh pihak-pihak tertentu untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Selain itu, cadangan yang dikemukakan adalah untuk menjadi bahan bagi membantu pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang.

5.2 Perbincangan

Menerusi kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji daripada bab 1 sehinggalah bab 4, dapat dilihat bahawa kajian ini berfokuskan kepada penggunaan lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia untuk dijadikan satu medium tarikan pelancongan di Malaysia, menerusi penghayatan daripada teori gagasan Chris Baker yang telah diolah oleh seorang sasterawan di Malaysia yang dikenali sebagai Mana Sikana, iaitu teori Sastera Budaya. Teori tersebut telah menjalani olahan yang dilakukan oleh pengkritik dan sasterawan tanah air bagi menghubungkan dengan lebih mudah, tepat dan seiring dengan budaya-budaya yang terdapat di Malaysia.

Pada bab pertama iaitu bab pengenalan terhadap kajian yang dilakukan, pengkaji telah menjelaskan berkenaan pengenalan terhadap definisi lagu-lagu rakyat di Malaysia, definisi pelancongan di Malaysia secara lebih mendalam dan juga pengenalan terhadap teori yang digunakan iaitu teori Sastera Budaya. Berdasarkan bab satu ini, dapat disimpulkan bahawa lagu rakyat merupakan sebuah sastera yang boleh disampaikan dalam bentuk percakapan dan lisan, yang bukan hanya wujud di Malaysia, malah lagu rakyat ada di setiap negara. Lagu rakyat adalah bertujuan untuk mencerminkan identiti sesebuah masyarakat berdasarkan budaya-budaya yang terdapat di dalam lirik lagu rakyat. Bab satu juga telah menjelaskan dengan lebih lanjut berkenaan dua jenis

pelancongan iaitu pelancongan antarabangsa dan pelancongan domestik. Selain itu, pengkaji telah mengolah secara permukaan sahaja berkenaan teori Sastera Budaya. Seterusnya, latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop kajian dan kepentingan kajian telah dikemukakan di dalam bab satu.

Di dalam bab dua yang menfokuskan tentang sorotan kajian, pengkaji telah mengemukakan 15 sorotan kajian lepas daripada sumber-sumber yang dipercayai dan sahih, iaitu daripada kertas kajian tesis, artikel jurnal dan juga buku dan majalah yang dapat diperolehi di perpustakaan mahupun secara atas talian. Sorotan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji pada bab dua ialah merangkumi tajuk-tajuk besar berkenaan kajian yang dijalankan, iaitu berkenaan lagu rakyat, perlancongan di Malaysia, dan juga teori Sastera Melayu. Sorotan kajian lepas yang dipilih oleh pengkaji untuk dimasukkan di dalam kajian ini ialah difokuskan kepada kajian-kajian baharu iaitu tahun 2010 sehingga 2023. Akan tetapi, terdapat juga beberapa kajian yang dijalankan sebelum tahun 2010. Menerusi bab dua ini, dapat disimpulkan bahawa kurangnya kajian lepas terhadap teori Sastera Budaya yang membuktikan bahawa teori ini adalah sebuah teori yang kurang digunakan oleh pengkritik dan pengkaji di Malaysia.

Seterusnya, di dalam bab tiga yang membincangkan berkenaan metodologi kajian yang digunakan bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengemukakan metodologi yang diaplikasikan sepanjang kajian ini dijalankan. Pengkaji menggunakan beberapa kaedah bagi proses pengumpulan data yang diperlukan bagi menyempurnakan kajian ini, seperti kaedah kepustakaan, analisis dokumen yang merangkumi teks, artikel jurnal, buku dan juga kaedah soal selidik. Metodologi atau seterusnya dalam menghasilkan kajian ini ialah dengan menggunakan teori yang diaplikasikan iaitu teori Sastera Budaya.

Bab seterusnya yang ditulis oleh pengkaji ialah bab empat yang merupakan bab terpenting di dalam kajian ini kerana bab ini adalah berkaitan analisis dan dapatan kajian. Menerusi bab empat, pengkaji telah berjaya menyempurnakan kajian dan mencapai objektif yang ditetapkan di dalam kajian ini. Di dalam bab empat, pengkaji telah menyenaraikan kesemua 26 buah lagu rakyat Malaysia yang terpilih dan mengulaskan maksud-maksud yang terdapat pada lagu tersebut secara terperinci dan mendalam. 26 buah lagu rakyat adalah diambil daripada kesemua 13 buah negeri yang terdapat di Malaysia iaitu negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Pengkaji telah memilih dua buah lagu rakyat daripada setiap satu negeri. Selain itu, di dalam bab empat ini juga terdapat perhubungan dan perkaitan terhadap pengpalikasian teori Sastera Budaya terhadap kajian yang dilakukan. Teori ini telah mengemukakan lima aspek penting yang boleh dikaji berkaitan isu tarikan pelancongan di Malaysia menggunakan lagu-lagu rakyat Malaysia, akan tetapi, pengkaji memilih untuk hanya menggunakan tiga aspek iaitu aspek pendidikan, aspek ekonomi dan juga aspek sosial.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa teori Sastera Budaya merupakan satu teori yang berjaya mengupas dengan lebih mendalam berkenaan tajuk kajian ini iaitu Analisis Lagu-lagu Rakyat Sebagai Satu Medium Tarikan Pelancongan di Malaysia. Dengan pengaplikasian teori ini, pengkaji telah berjaya menghubungkan perkaitan antara lagu-lagu rakyat dan juga aspek pelancongan dengan budaya. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu membuka mata masyarakat dalam melihat berkenaan lagu-lagu rakyat yang terdapat di Malaysia secara lebih terbuka, iaitu menerusi aspek pelancongan. Soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji juga telah menerima responden sebanyak 73 orang dan jumlah tersebut telah banyak membantu pengkaji dalam menyempurnakan tugas ini.

5.3 Cadangan

Pada bahagian cadangan ini, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu sebagai rujukan, dan sebagai satu jalan untuk menambahbaik kelopongan yang sedia ada. Menerusi cadangan ini juga akan diselitkan beberapa saranan berkenaan perkara-perkara yang dapat dilakukan oleh segala pihak.

5.3.1 Cadangan Kepada Negara

Cadangan yang dapat diberikan oleh pengkaji kepada negara ialah supaya pihak-pihak yang berkaitan mampu untuk menggunakan kajian pengkaji sebagai satu idea baharu, iaitu menggunakan lagu-lagu rakyat sebagai satu medium tarikan pelancongan. Oleh itu, pihak kerajaan di negara ini haruslah mempromosikan lagu-lagu rakyat secara lebih meluas seperti menjadikan ianya sebahagian daripada lagu yang digunakan di dalam pengiklanan pelancongan di Malaysia. Secara tidak langsung, ianya dapat meningkatkan ekonomi negara melalui sektor pelancongan.

Selain itu, kerajaan juga dicadangkan untuk mewujudkan dan menawarkan lebih banyak subjek yang berkaitan dengan kesusasteraan di sekolah, mahupun di universiti. Hal ini adalah agar masyarakat lebih terbiasa dengan subjek kesusasteraan dan tidak terasa asing lagi dengan bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi di Malaysia. Cadangan ini diharapkan agar dapat diketengahkan kerana pada zaman kini, institusi-institusi lebih banyak mengutamakan bidang-bidang lain seperti sains, akaun dan sebagainya.

5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat

Cadangan yang dapat diutarakan kepada masyarakat ialah supaya masyarakat lebih peka dan membuka mata terhadap kewujudan lagu-lagu rakyat Malaysia yang kini sudah tidak lagi menjadi lagu yang dipilih oleh masyarakat untuk didengari sehari-hari. Hal ini adalah, lagu-lagu rakyat mempunyai banyak maksud tersirat yang amat mendalam dan harus diterokai secara lebih mendalam oleh masyarakat. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar masyarakat lebih mendalami dunia kesusasteraan agar dapat mengekalkan kesusasteraan yang merupakan salah satu warisan peninggalan masyarakat terdahulu.

Seiring dengan itu, pengkaji juga berharap agar masyarakat melihat keunikan budaya yang ditayangkan di dalam warisan pada setiap negeri dapat membantu dalam menarik minat masyarakat untuk melancong ke negeri-negeri di dalam Malaysia. Secara tidak langsung, ianya dapat membantu industri pelancongan di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga berharap agar masyarakat lebih membiasakan diri terhadap himpunan teori-teori yang ada, lebih-lebih lagi teori Sastera Budaya yang tidak begitu dikenali oleh masyarakat.

5.3.3 Cadangan Kepada Individu

Cadangan kepada individu adalah pengkaji mencadangkan untuk melakukan kajian terhadap tajuk-tajuk yang berkaitan dengan lagu-lagu rakyat, pelancongan di Malaysia dan juga kajian berkenaan teori Sastera Budaya agar dapat memperbanyakkan lagi kajian-kajian yang dapat dijadikan sebagai rujukan untuk para pengkaji di masa akan datang. Hal ini adalah kerana, sewaktu menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kurangnya kajian-kajian lepas berkenaan pelancongan yang dikaitkan dengan warisan budaya. Bukan itu sahaja, kajian berkenaan teori Sastera Budaya juga tidak banyak sehingga menyebabkan pengkaji terbatas untuk mengkaji dan mendalami berkenaan teori Sastera Budaya dengan lebih lanjut.

Selain itu, cadangan bagi individu-individu yang berminat dalam menjalankan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini, bolehlah melakukan kajian berdasarkan lagu-lagu rakyat di Malaysia yang tidak lagi dipilih oleh pengkaji di dalam kajian ini. Dengan adanya kajian yang berkisarkan tentang lagu-lagu rakyat dan budaya di Malaysia, secara tidak langsung akan membantu masyarakat mengekalkan warisan yang diturunkan oleh generasi-generasi yang sebelumnya agar masyarakat di masa hadapan tidak lupa akan identiti dan budaya sendiri.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat dibuat kesimpulan dan rumusan bahawa kajian ini telah banyak membantu pengkaji dalam lebih mendalami berkenaan lagu-lagu rakyat di Malaysia, sekaligus berkenaan teori yang diaplikasikan, iaitu teori Sastera Budaya. Selain itu, segala cadangan-cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat membantu dalam membawa perubahan di dalam bidang kesusasteraan Melayu serta dapat memberikan kesedaran kepada segala pihak masyarakat mengenai kepentingan kesusasteraan di dalam kehidupan seharian yang kini kian diketepikan. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberikan kebaikan kepada masyarakat di dalam setiap segi dan aspek.

RUJUKAN

- (2023). Kkd.gov.my. https://www.kkd.gov.my/pdf/buku/nyanyian_rakyat.pdf
- Ab Majid, M. Z. (2004). *Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia*. Jurnal Syariah, 12(2), 79-93.
- Abdullah, M. I. N. (2013). *Budaya Dalam Puisi-Puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya*. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Adlan, M. A. (2020). 7 puteri bunian Ulek Mayang.
- Ahmad Suhaimi, N. S., & Che Wan Noh, C. W. S. (2021). Transkrip temubual bersama Puan Wan Salmah binti Wan Sulaiman, mengenai pengalaman beliau sebagai Tokoh Ulek Mayang.
- Ahmad Suhaimi, N. S., & Che Wan Noh, C. W. S. (2021). Transkrip temubual bersama Puan Wan Salmah binti Wan Sulaiman, mengenai pengalaman beliau sebagai Tokoh Ulek Mayang.
- Ahmad, H., Jusoh, H., Siwar, C., Buang, A., Noor, M. S. H., Ismail, S. M., & Zolkapli, Z. A. (2011). Pelancongan budaya di koridor ekonomi wilayah pantai timur (ecer): isu dan cabaran. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 7(5), 180-189.
- Ahmad, M. Y. (2005). *Dondang sayang*. Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Ahmad, M. Z., Ibrahim, J. A., & Mohd Salleh, H. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari.
- Ahmed, I., & Samad Kechot, A. (2015). Lagu Melayu Asli: Unsur Sinkretisme Dalam Instrumentasi Persembahan. *Jurnal Melayu*, 14(2), ISSN 1675-7513
- Alias, A. (2022, March 17). Sektor pelancongan berupaya pulih akhir 2023 [Review of Sektor pelancongan berupaya pulih akhir 2023]. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/03/935256/sektor-pelancongan-berupaya-pulih-akhir-2023>
- Aripin Said, 1994, *Puisi Warisan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor
- Asyura, M. (2018). ANALISIS KONTEN LAGU MELAYU TRADISIONAL DAN MODERN (PEMAKNAAN LIRIK-LIRIK LAGU MELAYU KALIMANTAN BARAT). *tuahalino*, 12(2), 66-77.
- Attan, M. N. (2012). *Gambus: Tinjauan awal berasaskan gaya permainan di Johor*. *Malaysian Journal of Music*, 1(2), 87-104.

- Ayob, N. S., Hussin, N. A. M., Ghazali, S. A. I., & Ibrahim, Z. (2023). *Aplikasi Seloka Lagu Rakyat Kanak-Kanak Malaysia*. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 4(2), 132-142.
- Ayob, N. S., Hussin, N. A. M., Ghazali, S. A. I., & Ibrahim, Z. (2023). *Aplikasi Seloka Lagu Rakyat Kanak-Kanak Malaysia*. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 4(2), 132-142.
- Aziz, N. A., Ariffin, A. A. M., & Vien, T. W. (2009). Kajian awalan ke atas potensi pelancongan kembaraan dalam pasaran remaja di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 29, 57-74.
- Choy, E. A. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11, 12-23.
- Dialek negeri Perak lirik lagu "Durian dah berbunga"*. (2010, January 6). Lagu daerah di Malaysia. <https://dialekd daerah.blogspot.com/2017/09/dialek-negeri-perak-lirik-lagu-durian.html>
- Dondang sayang*. (n.d.). <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/168>
- Hamdan, N. S. (2016). Profil, Motif Dan Persepsi Pelancong Terhadap Langkawi, Malaysia Sebagai Destinasi Pelancongan Sukan [Review Of Profil, Motif Dan Persepsi Pelancong Terhadap Langkawi, Malaysia Sebagai Destinasi Pelancongan Sukan]. Universiti Putra Malaysia. (Submitted)
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Hua, A. K. (2015). Melaka sebagai pusat pelancongan dunia: Dapatkah dipertahankan?(Malacca as a world tourism centre: Is it sustainable?). *Geografia*, 11(9).
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2008). Pelancongan Negeri Kedah Darul Aman: Isu dan Cabaran. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke III (PERKEM III)*, 1, 191-202.
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2011). Pelancongan Langkawi 1987–2010: Pencapaian dan cabaranmasadepan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia*, Hotel Everly Resort, Melaka. (Didapati, Malaysia, 2011).
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2012). *Perancangan dan Pembangunan Pelancongan (Edisi Kedua)*(UUM Press). UUM Press.
- Idrus, S. (2023, February 2). Sektor pelancongan kena siap siaga berdepan bencana [Review of Sektor pelancongan kena siap siaga berdepan bencana]. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/02/1058882/sektor-pelancongan-kena-siap-siaga-berdepan-bencana>

- Jahi, J. M. (2009). Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71-87.
- KAMARUDDIN, A. R., & KAMARUDDIN, A. R. (2020, December 24). Tiada jati diri punca lagu rakyat pupus. Utusan Digital. <https://www.utusan.com.my/premium/2020/12/tiada-jati-diri-punca-lagu-rakyat-pupus/>
- Kelantan, M. (2015). Halim Yazid-Anak Tupai.
- Leh, F. C. (2016). Pelancongan bandar dan isu keselamatan: Kajian kes pelancong antarabangsa Kuala Lumpur. *Geografia*, 12(8).
- Lirik Ayun Buai Kokek - Lagu Rakyat Terengganu. (n.d.). *Buzzera - Berita Hiburan Malaysia*. <https://buzzera.blogspot.com/2009/08/lirik-ayun-buai-kokek-lagu-rakyat.html>
- Lirik Lagu Anak Tupai - Halim Yazid (Dikir Barat)*. (n.d.). *Buzzera - Berita Hiburan Malaysia*. <https://buzzera.blogspot.com/2009/11/lirik-lagu-anak-tupai-halim-yazid-dikir.html>
- Lisa, M. (n.d.). Rasa Sayang - Malaysia. Mama Lisa's World of Children and International Culture. Retrieved May 1, 2023, from <https://www.mamalisa.com/?t=es&p=5203>
- Mad, C. A., Mad Idris, M. A., & Muhammad Suhaimi, M. I. Z. (2004). Pengenalan kepada keusahawanan pelancongan.
- Maestro, E., & Sinaga, F. S. H. S. (2015). Kearifan Lokal dalam Lagu Ayam Den Lapeh Garapan Orkes Gumarang. Universitas Negeri Padang.
- Manan, S. A. (2012). Boria: Daripada teater ritual kepada warisan budaya unik Melayu Pulau Pinang. *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia (Penerbit USM)*.
- Mapjabil¹, J., Abd Razak, R. R., Marzuki, M., & Zainol, R. M. (2015). Pelancongan Islam: Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia. *M Malaysia Journal of Society and Space*, 11, 172-182.
- Mazlan, C. A. N., Abdullah, M. H., Arshad, S. F., Latif, M. K. A., Imam, R. M., & Daud, I. S. (2020). Satu Tinjauan Muzikologi Lagu Melayu Asli. *Jurai Sembah*, 1(2), 14-26.
- Mohamad, A. N. A., Haniffa, M. A., & Mohamad, W. N. A. (2020). Kepedulian Para Pelajar IPTA Dan IPTS di Semenanjung Malaysia Terhadap Lambang-Lambang Kenegaraan Sebagai Identiti Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 45-69.
- Mohamad, H. F. (2023, January 19). Malaysia destinasi pelancongan kedua popular Tahun Baharu Cina [Review of Malaysia destinasi pelancongan kedua popular

Tahun Baharu Cina]. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/01/1053748/malaysia-destinasi-pelancongan-kedua-popular-tahun-baharu-cina>

- Mohammad, W. M. R. W., & Subramaniam, V. (2014). Daya kreativiti kanak-kanak: Satu kajian kes. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 436-445.
- Mokhtar, N. A., Poo, B. T., & Salleh, N. H. M. (2012). Analisis keperluan tenaga manusia dalam industri pelancongan di Malaysia. *PERKEM Proceedings*, 7, 4-6.
- Muhamad Roslan, Amira Shahika (2022) Persembahan Ulik Mayang Di Kuala Terengganu: Satu Kajian Sejarah Dan Kepercayaan. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan. (Submitted)
- Muhammad Sofian, N. M., & Addina, N. A. (2023). Transkrip temubual bersama Haji Ariff Bin Haji Abu Hassan: pengkisah sejarah tempatan mengenai peristiwa pembukaan Kampung Kubu Dedap/Nurin Mussalmi binti Muhammad Sofian and Nurul 'Atha Addina binti Rajah.
- Musaeva, M., Ching, C. C. S., & Augustine, C. (2017). Application of Ivan Galamian principles for violin learning through Malaysian folk tunes. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(11), 522-536.
- Nasution, H. F. (2016). Instrumen penelitian dan urgensinya dalam penelitian kuantitatif. *Al-Masharif: Jurnal Ilmu Ekonomi Dan Keislaman*, 4(1), 59-75.
- Nor Faizah Ismail (2022) Kajian Terhadap Lagu-Lagu Rakyat Yang Popular di Negeri Kelantan. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nor Khalis Harun Narasid, S., & Nazri Abdul Rahman, M. (2017). Kreativiti Menerusi Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli Sebagai Bahan Pembelajaran Asas Literasi: Tinjauan Awal. *ISPEN2017*.
- Nur Asmira Mat Din (2011) Kajian tentang nilai murni dalam lagu-lagu rakyat koleksi Aripin Said. Undergraduate Final Project Report thesis, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. (Submitted)
- PANAUMA, R. (2018). DALAM LIRIK LAGU RAKYAT JERMAN. *JURNAL ELEKTRONIK FAKULTAS SASTRA UNIVERSITAS SAM RATULANGI*, 1(2).
- Rogayah A. Hamid, Juamah Ilias, 2006, *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Rokhman, M. A. (2008). Keterkaitan Kajian Budaya dan Studi Sastra di Inggris: Sebuah Telaah Singkat. *Humaniora*, 20(1), 18-25.
- Rosli, S. F. N., Bakri, Y. M., & Abdullah, M. H. (2022). Persepsi Guru Pelatih Terhadap Penciptaan Lirik Lagu Kanak-kanak Melayu Tradisional sebagai Bahan Pengajaran Topik Fotosintesis Murid Tingkatan Satu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(2), 22-29.

- Rosyiha Sedik (2010) Nilai-nilai murni dalam lagu rakyat Terengganu. Undergraduate Final Project Report thesis, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. (Submitted)
- Samsudin, M., & Mohamad, S. (2013). Pengaruh warisan sejarah dalam industri pelancongan Langkasi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 1(1), 99-109.
- Seloka Kedah lyrics. (n.d.). *JustSomeLyrics*.
- Seloka orang Kedah. (n.d.). *Dunia Bonda*.
<https://duniabondaayahanda.blogspot.com/2015/04/seloka-orang-kedah.html>
- Seman bin mamat. (n.d.). ::PEMETAAN BUDAYA JKKN::.
<https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/526>
- Shamsudin, F. (2014). Bongai sebagai manifestasi bahasa dan budaya berdasarkan pendekatan semiotik.
- Shazali, F. (2017) Konsep Lagu Rakyat. *Academia*, 38273436.
https://www.academia.edu/38273436/Konsep_lagu_rakyat
- Sikana, M. (1997). Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sikana, M. (2013). Berdiri di akar diri: Kritikan sastera Melayu pascamoden. ITBM.
- Sulong, M. A., Saidon, Z. L., & Hashim, N. S. N. (2013). Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi:(Music Tradition In Perak Traditional Dances: An Ethnomusicological Approach). *Malaysian Journal of Music*, 2(1), 72-105.
- Syu, M. (2018, September 24). Joget Wan Lebor - Lagu rakyat negeri Perak. Blog Mamy Syu. Retrieved May 1, 2023, from <https://www.annursyuhadah.com/2018/09/joget-wan-lebor-lagu-rakyat-negeri-perak.html>
- Takari Jilin, M., Shahrial. (2013). Lagu-Lagu Melayu Sebagai Komunikasi Lisan. Fakulti Ilmu Budaya USU Dan Majlis Adat Budaya Melayu Indonesia.
- Tanjung Puteri. (n.d.). KKBOX. https://www.kkbox.com/my/en/song/T-Rmv_v--xXCWj2IsY
- Tarian Canggung Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas*. (n.d.). Wikipedia, ensiklopedia bebas. Retrieved December 11, 2023, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Tarian_Canggung
- Ulek mayang Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas*. (n.d.). Wikipedia, ensiklopedia bebas. Retrieved December 11, 2023, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Ulek_mayang

- Ulik mayang.* (n.d.). ::PEMETAAN BUDAYA JKKN::
<https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/258>
- Ummu, Fatimah, Lia, Lestari. (2012). Unsur Didaktis Dalam Syair Lagu Rakyat Papua. 15(2):247-259. doi: 10.24257/ATAVISME.V15I2.64.247-259
- Wan Nur Atikah Wan Ab Rahman (2011) Kajian terhadap tema dan persoalan dalam lagu rakyat negeri Kelantan. Undergraduate Final Project Report thesis, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. (Submitted)
- Wilkinson, R. J. (1923). *Pantun Melayu* (Vol. 12). Methodist Publishing House.
- Xiao-Li, Meng., David, A., van, Dyk. (1997). An Old Folk-song Sung to a Fast New Tune. *Journal of The Royal Statistical Society Series B-statistical Methodology*, 59(3):511-567. doi: 10.1111/1467-9868.00082
- Ya Salam. (n.d.). KKBOX. <https://www.kkbox.com/sg/en/song/5a-07KKjyKyO7yVkvOV>
- Zakaria, Z., & Hua, A. K. (2022). Sifat dan Konsumsi Budaya Melayu dalam Pelancongan Malaysia: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001970-e001970.
- Zaman, N. B. K. *SATU KAJIAN KEATAS PENERIMAAN PENONTON TERHADAP SENI PERSEMBAHAN DONDANG SAYANG DIMELAKA.*